



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA
ENCIK JIBRAN KHALIL BIN SINDAMADAR
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGGIAT
AKTIF SENI WARISAN BORIA**

**NUR NASYITAH AMANI BINTI MARZUKI
(2020994933)**

**NUR SHAMILA ANIESYA BINTI SAMSUDIN
(2020963947)**

SEMESTER MAC 2021 – JULAI 2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA
ENCIK JIBRAN KHALIL BIN SINDAMADAR
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGGIAT
AKTIF SENI WARISAN BORIA**

NUR NASYITAH AMANI BINTI MARZUKI

(2020994933)

NUR SHAMILA ANIESYA BINTI SAMSUDIN

(2020963947)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2021 – JULAI 2021

ISI KANDUNGAN

| ISI KANDUNGAN | | M/S |
|---------------|----------------------------------|-----|
| | Abstrak | i |
| | Penghargaan | ii |
| | Senarai Abreviasi | iii |
| | Senarai Singkatan | iv |
| | Rujukan Kata | v |
| 1.0 | Biodata Penemubual | 1 |
| | 1.1 Penemubual Pertama | |
| | 1.2 Penemubual Kedua | |
| 2.0 | Biodata Tokoh | |
| | 2.1 Biodata Tokoh | 2 |
| | 2.2 Pengenalan kepada tokoh | 3 |
| 3.0 | Sejarah Lisan | |
| | 3.1 Pengenalan | 4 |
| | 3.2 Objektif Sejarah Lisan | 5 |
| | 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan | 5 |
| 4.0 | Kajian Literatur | |
| | 4.1 Topik 1 | 7 |
| | 4.2 Topik 2 | 9 |
| 5.0 | Transkrip Temubual Bersama Tokoh | 11 |
| 6.0 | Log Temubual | 75 |
| 7.0 | Ralat | 83 |
| 8.0 | Glosari | 84 |
| 9.0 | Indeks | 89 |
| 10.0 | Bibliografi | 93 |
| 11.0 | Lampiran | |

| | |
|--|-----|
| 11.1 Biografi Tokoh | 95 |
| 11.2 Surat Perjanjian | 96 |
| 11.3 Senarai Soalan | 97 |
| 11.4 Diari Penyelidikan | 100 |
| 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan | 103 |

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan penggiat aktif seni warisan boria iaitu Encik Jibran Khalil Bin Haji Sindamadar. Dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi baru kurang mengetahui secara langsung tentang kewujudan seni yang unik ini yang juga merupakan salah satu daripada pecahan seni kebudayaan seperti wayang kulit, Mak Yong dan sebagainya. Projek sejarah lisan ini bermula dengan latar belakang diri dan keperibadian beliau, keluarga serta pendidikan. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh tersebut, kajian ini memfokuskan secara menyeluruh tentang peralatan, kos, dan bahagian-bahagian persesembahan boria. Projek sejarah lisan ini juga mengisahkan tentang pencapaian dan anugerah yang telah diterima sepanjang karier beliau sebagai penggiat aktif boria di peringkat negeri dan antarabangsa. Seterusnya, penglibatan awal beliau, sumbangan dan cabaran yang dihadapi sepanjang kerjayanya sebagai penggiat aktif boria di Pulau Pinang juga turut dikongsi dalam kajian ini. Kajian ini juga menyatakan pandangan beliau mengenai perbezaan boria pada zaman dahulu dengan sekarang. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang seni warisan boria ini.

Kata kunci: Boria, Jibran Khalil, Pulau Pinang, Persatuan Pulau Pinang, Seni Warisan.

ABSTRACT

This transcript discusses the experience of a figure who is an active activist of boria's heritage art, namely Encik Jibran Khalil Bin Haji Sindamadar. In today's society, especially the new generation is less aware of the existence of this unique art which is also one of the fragments of cultural art such as wayang kulit, Mak Yong and so on. This oral history project begins with his personal background and personality, family as well as education. In addition to touching a little on the background of the figure, this study focuses comprehensively on the equipment, costs, and parts of the boria presentation. This oral history project also talks about the achievements and awards he has received throughout his career as an active activist of boria at the state and international levels. Furthermore, his early involvement, contributions and challenges faced throughout his career as an active boria activist in Penang are also shared in this study. This study also expresses his views on the differences of boria in the past with the present. The implications of this study are mainly to researchers, students, and the general public. Through this oral history project as well, it is hoped that the community, especially the current generation will know more and more deeply about the art of boria heritage.

Keywords: Boria, Jibran Khalil, Penang, Penang Association, Heritage Arts.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurnianya kami dapat menyelesaikan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin sebagai pensyarah kami bagi subjek Oral History (IMR604) kerana telah memberi peluang untuk melakukan tugas ini serta memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga kami dapat menghasilkan tugas ini dengan jayanya. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Jibran Khalil Sindamadar, kerana sudi memberi kerjasama untuk menjadi responden kami bagi projek sejarah lisan ini.

Seterusnya, kami sangat berterima kasih kepada ibu bapa kami atas sokongan, perhatian, doa dan memahami keadaan yang kami tempuh. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan kami yang sentiasa menyokong dan memberi pandangan sepanjang proses penghasilan tugas ini. Diharapkan agar hasil tugas ini dapat memberi manfaat kepada pembaca atau mana-mana individu pada masa hadapan.

TERIMA KASIH

SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|------------------|--|
| AADK | Agensi Antidadah Kebangsaan |
| ASEAN | Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara |
| MHI | Malaysia Hari Ini |
| OKU | Orang urang upaya |
| PKP | Perintah Kawalan Pergerakan |
| PTPTN | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SUKMA | Sukan Malaysia |
| UIA | Universiti Islam Antarabangsa |
| UITM | Universiti Teknologi MARA |
| USM | Universiti Sains Malaysia |

SENARAI SINGKATAN

JK: Jibran Khalil

NNA: Nur Nasyitah Amani

NSA: Nur Shamila Aniesya

RUJUKAN KATA

| | |
|---------|-----------------|
| Abih | Habis |
| Ajaq | Ajar |
| Amik | Ambil |
| An | Kan |
| Antaq | Hantar |
| Apani | Apa ini |
| Bagitau | Beritahu |
| Baguih | Bagus |
| Bawak | Bawa |
| Bayaq | Bayar |
| Belajaq | Belajar |
| Belakon | Berlakon |
| Berenti | Berhenti |
| Besa | Biasa |
| Besaq | Besar |
| Betoi | Betul |
| Betui | Betul |
| Biaq | Biar |
| Bukak | Buka |
| Dak | Tidak |
| Dengaq | Dengar |
| Depa | Mereka |
| Diorang | Dorang / mereka |

| | |
|--------|---|
| Dok | Telah |
| Dok | Sedang |
| Durasi | Jangka masa |
| Emping | Kerepek/kudapan dibuat daripada padi muda |
| Gak | Juga |
| Ha | Ya |
| Haah | Ya |
| Habaq | Beritahu |
| Hampa | Engkau |
| Hang | Kamu |
| Hapai | Hafal |
| Harini | Hari ini |
| Haritu | Hari itu |
| Hayun | Gerak |
| Ikod | Ikut |
| Ja | Sahaja |
| Je | Sahaja |
| Jugak | Juga |
| Jumpak | Jumpa |
| Kekai | Kekal |
| Keluaq | Keluar |
| Keraih | Keras |
| Lani | Sekarang |

| | |
|----------|-------------|
| Lepastu | Selepas itu |
| Loi | Selamba |
| Luaq | Luar |
| Mahai | Mahal |
| Mai | Datang |
| Masok | Masuk |
| Mau | Mahu |
| Mengajaq | Mengajar |
| Nak | Hendak |
| Ngan | Dengan |
| Ni | Ini |
| Pa | Apa |
| Paham | Faham |
| Pandiaq | Pandir |
| Pasai | Pasal |
| Pasepa | Sebab apa |
| Pastu | Selepas itu |
| Penah | Pernah |
| Perbetui | Membetulkan |
| Pi | Pergi |
| Pompuan | Perempuan |
| Pon | Pun |
| Pukui | Pukul |

| | |
|------------|---------------|
| Pulak | Pula |
| Sat | Sekejap |
| Satgi | Sekejap lagi |
| Sebenaqnya | Sebenarnya |
| Sempoi | Cantik |
| Seniqi | Sendiri |
| Sindiaq | Sindir |
| Suroh | Suruh |
| Tak | Tidak |
| Takdak | Tiada |
| Takde | Tiada |
| Takleh | Tidak boleh |
| Takod | Takut |
| Takpa | Tidak mengapa |
| Taktau | Tidak tahu |
| Tang | Dekat |
| Tang | Di |
| Tau | Tahu |
| Taudak | Tahu tidak |
| Teruih | Terus |
| Tidoq | Tidur |
| Toksah | Tidak usah |
| Tu | Itu |

BIODATA PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama



| | |
|---------------------|---|
| Nama | Nur Nasyitah Amani Binti Marzuki |
| Tarikh Lahir | 29 Disember 1999 |
| Tempat | Perlis |
| Lahir | |
| Alamat | 97, Jalan Rhu 3, Taman Rhu, 09000 Kulim Kedah |
| No.Telefon | 011-64495746 |
| Emel | nasyitahamani@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

1.2 Penemubual Kedua



| | |
|---------------------|---|
| Nama | Nur Shamila Aniesya Binti Samsudin |
| Tarikh Lahir | 4 Ogos 1999 |
| Tempat | Teluk Intan, Perak |
| Lahir | |
| Alamat | 1212 MK10 Permatang Tok Jaya, 13800 Butterworth, Pulau Pinang |
| No.Telefon | 013-8932404 |
| Emel | shamilaaniesya@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh



| | |
|-------------------------------|--|
| Nama | Jibran Khalil Bin Haji Sindamadar |
| Nama Samaran(jika ada) | - |
| Tarikh Lahir | 25 Julai 1967 |
| Tempat Lahir | Pulau Pinang |
| Alamat | 28-1-4 Medan Samak ,Jalan Samak,10150 Pulau Pinang |
| No. Telefon | 012-4593243 |
| Emel | jibran6700@gmail.com |
| Profesjon | Penggiat aktif boria dan nyanyian |
| Bidang | Kesenian, seni suara dan kebudayaan. |

2.2 Pengenalan kepada tokoh

Jibran Khalil Bin Haji Sindamadar ialah anak kelahiran Pulau Pinang. Beliau seorang penggiat aktif seni warisan Boria yang dilahirkan pada 25 Julai 1967. Hobinya adalah fokus ke arah bidang kesenian terutamanya dalam nyanyian, seni suara dan kebudayaan. Encik Jibran Khalil mempunyai lima orang adik beradik. Isterinya bernama Nazli Yati Binti Ismail dan dikurniakan enam orang cahaya mata, iaitu dua lelaki dan empat perempuan.

Bermula sejak zaman persekolahan lagi, iaitu dari tingkatan dua pada tahun 1981, beliau telah bergiat aktif dalam menceburi bidang kesenian boria. Beliau telah terlibat dan berbakti dalam dunia persembahan Boria selama lebih dari 40 tahun. Beliau mempunyai pengalaman sebagai "Tukang Karang" dalam persembahan Boria lebih dari 800 kali. Malah pada era globalisasi ini, Encik Jibran Khalil Sindamadar telah menjadi seorang presiden dalam Persatuan Boria Wawasan.

Encik Jibran Khalil merupakan salah seorang tokoh yang telah dianugerahkan Anugerah Tokoh Seni Budaya. Encik Jibran Khalil juga pernah terlibat dalam persembahan dan pertandingan boria di peringkat antarabangsa dan di negeri di mana beliau telah memasuki pertandingan MHI Panjang Akal pada tahun 1998 sekali gus telah memenangi pertandingan tersebut. Pertandingan tersebut merupakan cabaran yang besar yang pernah dialaminya. Bukan hanya satu pertandingan, namun terdapat pelbagai pertandingan dan persembahan yang pernah beliau sertai dan ia boleh dilihat di bahagian transkrip temu bual tersebut.

Encik Jibran telah mengusahakan boria sebagai salah satu warisan budaya yang diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Ilmiah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) dan telah dimulakan pada tahun 2018 dan berterusan hingga hari ini. Sehingga kini beliau masih lagi berusaha agar kesenian boria ini dapat diangkat ke persada antarabangsa supaya boria ini dikenali ramai dan menjadi warisan dunia.

SEJARAH
LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Sejarah lisan merupakan satu kajian yang merekodkan maklumat masa lalu atau peristiwa yang telah berlalu. Melalui kajian sejarah lisan ini penyelidik dapat merasai pengalaman baharu serta melihat dapat mengetahui sejarah daripada pelbagai aspek.

Sejarah lisan didefinisikan sebagai satu kaedah mengumpul, memelihara dan mentafsir suara seseorang individu atau masyarakat dalam peristiwa masa lalu. Dalam penyelidikan sesuatu peristiwa bersejarah, sejarah lisan sering digunakan bagi memperoleh maklumat dan memastikan kebenaran sesuatu fakta sejarah. Kemudian maklumat yang diperoleh tersebut dicatat dan menyemak salinan serta ditaip agar maklumat tersebut boleh dirujuk dan digunakan sebagai bahan penyelidikan dan pengajaran kepada masyarakat (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Ia turut disokong oleh Nadzan Haron, yang menyatakan sejarah lisan adalah satu daripada kaedah penyelidikan sejarah. Kaedah yang digunakan oleh penyelidik adalah di mana mereka mengumpul sumber sejarah berbentuk lisan sebagai suatu cara untuk melengkapkan rekod bertulis (Nadzan Haron, 2012).

Selain itu, menurut Universiti Kebangsaan Malaysia, sejarah lisan merupakan kaedah untuk mengenang seseorang tokoh di mana kaedahnya adalah dirakam melalui soal jawab atau wawancara. Pemilihan tokoh haruslah dipilih dalam golongan mereka yang dapat memberi atau menyumbang maklumat atau peristiwa bersejarah daripada penglibatannya dan melalui pengalaman yang dilaluinya sendiri (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

Berdasarkan satu penulisan ia menyatakan Ahmad (1987), mendefinisikan bahawa sejarah lisan merupakan teknik penyelidikan moden di mana tujuannya adalah untuk pelihara pengetahuan-pengetahuan peristiwa sejarah melalui penceritaan dan pengisahan. Menurutnya, prosedur temu ramah dan merakam menggunakan pita rakaman tentang keterangan seseorang yang mengetahui sesuatu peristiwa bersejarah sama ada melalui penglibatannya secara langsung atau sekadar menyaksikan peristiwa tersebut juga terlibat dalam teknik ini (Ahmad, 1987).

Merujuk kepada definisi-definisi yang terdapat di atas, maklumat yang diperoleh mampu menjana ilmu atau maklumat baharu melalui kajian dan penyelidikan lanjut untuk dijadikan rujukan serta panduan kepada generasi kini. Dengan itu, untuk memastikan ilmu baharu tersebut dapat dihasilkan pihak-pihak tertentu seperti penyelidik atau pengkaji hendaklah menjalankan kajian lanjut terhadap topik yang difokuskan. Seterusnya, dalam

konteks Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, usaha untuk mengangkat kembali koleksi sejarah lisan telah diambil, di mana mereka melakukan rakaman baru, mentranskripsikan rakaman yang ada, mendigitalkan transkrip yang ada, dan melaksanakan penulisan berkaitan koleksi sejarah lisan dalam bentuk cetakan dan cakera padat (Siti Roudhah Mohamad Saad, et al., 2012).

Akhir sekali berdasarkan perkara-perkara di atas, dapat dilihat bahawa sejarah lisan ini penting kerana untuk merekodkan serta memelihara semula peristiwa-peristiwa bersejarah agar dapat digantikan rekod-rekod bersejarah yang telah semakin berkurangan. Bahan-bahan bersejarah yang dikatakan penting itu akan pupus dan semakin dilupakan oleh orang ramai. Penggunaan sejarah lisan adalah amat penting kepada masyarakat terutamanya generasi kini agar mereka dapat mengetahui pengisahan sejarah dengan lebih lanjut bahkan juga akan menjadikan historiografi tanah air kita lebih kukuh (Siti Roudhah Mohamad Saad, et al., 2012).

3.2 Objektif Sejarah Lisan

1. Untuk memperoleh maklumat daripada seseorang individu yang berpengalaman dalam sesuatu peristiwa pada masa lalu.
2. Untuk menghasilkan dokumen lisan daripada keterangan seseorang individu yang mempunyai pengalaman dalam peristiwa bersejarah.
3. Untuk merekodkan serta memelihara pengisahan yang merupakan rekod-rekod sejarah yang semakin berkurangan.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Sejarah lisan adalah salah satu pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan sejarah untuk mengumpulkan dan mengesahkan ketepatan fakta sejarah yang diperoleh, serta untuk mendokumentasikan kejadian masa lalu yang pernah dialami oleh seseorang. Sejarah lisan juga boleh dicirikan sebagai teknik penyelidikan untuk mendapatkan maklumat untuk sejarah bertulis, dan juga kajian yang dapat menyimpan fakta sebelumnya walaupun setelah jangka masa dan peristiwa telah berlalu. Sejarah lisan terjadi pada saat penemuan baru dan teknologi kontemporeri diterapkan pada masalah yang lebih rumit seperti politik, ekonomi, perdagangan, sastera, dan keberadaan manusia.

Sejarah lisan berkepentingan untuk membawa kepada sumber sejarah. Menurut Dr Kuchar, sejarah lisan memainkan peranan penting dalam penulisan historiografi. Beliau mendakwa bahawa sejarah lisan dapat membantu sejarawan dalam mempelajari sejarah dengan lebih teliti dan tegas, serta mengungkap artifak yang terkubur. Sebagai contoh, sejarah lisan membantu pasukan ekspedisi Perancis dalam mencari Angkor Wat. Sejarah lisan, menurutnya, harus dianggap sebagai sumber penulisan sejarah.

Selain itu, sejarah warisan dapat membantu membina semula peristiwa sesuatu sejarah. Ketika menyusun peristiwa sejarah, sejarah lisan sangat penting. Sejarah lisan adalah satu-satunya cara untuk mengetahui peristiwa tertentu. Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, ia menceritakan kisah kekasaran, kekejaman, dan barbarisme. Di Tanah Melayu, sejarah lisan juga lebih dipercayai daripada yang ditulis. Orang-orang Melayu mungkin dilihat di dalam politik, ekonomi, sosial, dan agama. Sejarah lisan sangat penting untuk mencipta peristiwa bersejarah untuk menggantikan catatan yang telah hilang atau dimusnahkan oleh penjajah seperti Jepun dan Inggeris. Sejarah lisan dapat membantu menjamin bahawa peristiwa dan momen sejarah tidak dilupakan atau hilang sebagai bukti sejarah.

Seterusnya sejarah lisan penting bagi memberikan gambaran yang lebih jelas Sejarah lisan sangat penting untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peristiwa-peristiwa di sekitar penjajahan Jepun. Menurut Dr Tariq Al-Shami, penggunaan rakaman dan transkrip dalam bidang sejarah lisan dapat membantu mana-mana institusi mendidik dan belajar dengan lebih berkesan.

Sejarah lisan sangat penting untuk membawa dan memperkenalkan sejarah luar ke dalam budaya, atau sebaliknya. Kejadian Memali digunakan sebagai contoh senario sejarah lisan di Kampung Mali, Mukim Siong, Baling, Kedah. Sejarah lisan harus digunakan dalam kajian Kejadian Memali, menurut Parti Islam SeMalaysia (PAS). Di sisi lain, pemerintah mempunyai perspektif yang sangat berbeza mengenai keadaan. Sejarah lisan, menurut PAS, akan memberikan perspektif yang berbeza dan menghilangkan hubungan dengan satu parti. Sejarah lisan mengisi jurang sumber utama dan memberikan maklumat tambahan untuk analisis historiografi yang lebih komprehensif dan tidak berat sebelah. Kesimpulannya adalah bahawa sejarah tidak dapat ditukar dan akan terus menjadi sejarah yang benar.

KAJIAN
LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Topik 1: Warisan Seni Kebudayaan

Akta Harta Benda Purba 1976 mendefinisikan barang antik sebagai "mana-mana peninggalan yang diwarisi, sama ada buatan atau nyata, yang boleh bergerak atau tidak bergerak, kelihatan atau tidak kelihatan.". Warisan ini merujuk kepada hasil tindakan masa lalu yang kini digunakan oleh masyarakat dan telah menjadi sebahagian daripada sumber kehidupan mereka di masa depan (Mohd dan Hanapi Dollah, 2011). Seni mempunyai pengertian halus yang kecil, cantik, nipis dan halus, senang didengar mengenai suara, dan bentuk badan yang comel, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ketiga, (2000), halaman 1244-45. Puisi, lukisan, muzik, dan karya lain yang dibuat dengan kemahiran atau kecekapan, serta produk penemuan, semuanya adalah contoh seni. Kebudayaan, menurut kamus, adalah cara hidup. Budaya, menurut Kamus Dewan (2005), adalah kemajuan akal, akal (cara berfikir), tingkah laku, dan sebagainya. Oleh itu, budaya dapat dicirikan sebagai cara hidup kelompok, yang merangkumi struktur sosial, pengaturan organisasi ekonomi, politik agama, kepercayaan, tradisi, sikap, dan nilai.

Produk, paparan atau pameran, objek, atau sesuatu yang lain dengan ciri estetika, keanggunan, atau kecantikan dianggap sebagai seni. Seni adalah hasil dari rasa yang kuat. Ia diciptakan untuk meninggalkan kesan pada pemikiran orang lain. Seni dari sumber Encyclopedia, menterjemahkan seni sebagai perwujudan rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia, dilahirkan melalui alat komunikasi menjadi bentuk yang dapat ditangkap oleh deria pendengaran (seni suara), penglihatan (lukisan) atau lahir melalui pergerakan (tarian atau drama). Budaya akan wujud dengan adanya kelompok bangsa atau kaum. Apabila budaya bangsa mempunyai penghargaan tinggi terhadap kemanusiaan dalam peradaban, budaya diaktifkan. Empat komponen utama budaya adalah, Fikiran atau idea (contoh: falsafah, mitos, legenda, sastera, kepercayaan, bahasa, dll.), Bahan (contoh: seni bina, perkakasan, teknologi, perubatan, dll.), Seni (contoh: seni persembahan, tarian, nyanyian, visual seni, lukisan), nilai dan norma (contoh: undang-undang, adat istiadat, adab, kesopanan dan kesopanan, nilai keagamaan, pantang larang.)

Warisan adalah sesuatu yang diturunkan selama berabad-abad. Warisan adalah harta negara yang dulunya atau sekarang dimiliki oleh individu, masyarakat, atau semua manusia yang mempunyai kewajiban bersama untuk melindungi dan memeliharanya. Warisan kita adalah pengetahuan, kepakaran, dan cara hidup yang diturunkan daripada generasi ke generasi,

serta kepercayaan yang dinyatakan dalam artifak budaya. Ia menggambarkan dan melambangkan peradaban masyarakat dengan menggambarkan dan melambangkan ingatan seluruh kewujudan masyarakat. (Jabatan Warisan Negara, 2015). Persembahan Malaysia moden dipentaskan secara tradisional tetapi tidak ditulis. Teks dan latar belakang dramatik mereka telah didaftarkan sebagai bagian dari kajian dan penyelidikan ini, menyumbang kepada peninggalan sastera (Rahmah, 2005). Malaysia adalah sebuah negara berbilang budaya yang mempunyai pelbagai bangsa dan etnik. Warisan budaya mesti dilindungi dan dipelihara kerana mewakili budaya dan lambang negara (Mohd dan Hanapi Dollah, 2011) Sejak zaman berzaman, warisan seni persembahan Melayu telah berkembang dan diturunkan. Wayang Kulit menggabungkan Hindu, Islam, dan animisme, serta pengaruh dari Thailand, Indonesia, India, dan China, dalam penampilannya. Ini adalah salah satu persembahan tradisional Melayu yang paling popular di dunia.

Warisan budaya adalah komponen penting dalam daya maju budaya jangka panjang. Warisan budaya tidak dapat dipisahkan dengan cara hidup rakyat Malaysia dari pelbagai perspektif, terutama daripada segi sejarah atau peristiwa semasa, atau dalam bentuk konkret seperti warisan budaya tanah atau bawah air, tetapi tidak termasuk warisan semula jadi (Jabatan Bandar dan Negara Merancang Semenanjung Malaysia, 2014). Terdapat dua jenis warisan budaya iaitu warisan budaya yang nyata dan warisan budaya yang tidak ketara. (Mohd Yuszaidi & Muammar, 2015) Ia juga merangkumi warisan individu hidup dan warisan semula jadi. Lambang budaya menjadi banyaknya ekspresi intelektual atas warisan budaya Malaysia (Yuszaidy et al., 2011). Kegiatan budaya yang ada yang dilakukan oleh manusia melalui inovasi dan idea berdasarkan pemerhatian terhadap alam disebut sebagai warisan budaya yang tidak ketara. Istilah "warisan budaya yang nyata" merujuk kepada sesuatu yang tidak bergerak dan kekal. Tradisi lisan, seni pertunjukan, muzik, lakonan, nyanyian, dan lukisan adalah semua cara untuk meneruskannya (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015). Di Malaysia, warisan, terutama warisan budaya yang nyata, tidak menonjol pada tahap awal kerana sebelumnya tidak banyak usaha untuk memperhatikannya dan, khususnya, pemuliharaan terhadapnya. Struktur dan tempat bersejarah dibiarkan begitu sahaja, tanpa ada yang berusaha untuk memeliharanya (Howard, P. 2003).

Bencana alam dan aktiviti manusia yang merosakkan warisan budaya boleh membahayakan dan membahayakan negara. Negara mesti memberi perhatian khusus kepada warisan budaya mereka. Warisan budaya dunia kini sangat dihargai dan berfungsi sebagai simbol identiti nasional. Identiti nasional tidak dapat dipisahkan dengan warisan budaya,

seperti budaya dan seni yang diciptakan oleh rakyatnya sendiri (Mohamed Anwar Omar Din, 2008).

4.2 Topik 2: Seni Warisan Boria

Salah satu warisan yang terdapat di Malaysia adalah boria. Boria adalah salah satu warisan budaya Malaysia. Boria adalah persembahan teater yang popular di negeri-negeri utara Malaysia, khususnya Pulau Pinang (Noor Rafizal & Azrul Azizi, 2020). Persembahan Boria adalah tradisi budaya dan agama Melayu yang dibawa dari India dan akhirnya diterima pakai oleh masyarakat Melayu tempatan (Mahani Musa, 2003). Menurut Nasuruddin Ghous (2000), persembahan boria diadakan di Pulau Pinang oleh sekumpulan kakitangan India Britain yang dipekerjakan oleh Syarikat India Timur. Tambahan pula, ada yang mengatakan bahawa oleh The Twenty-Firts Indian Regiment adalah yang pertama memperkenalkan boria pada tahun 1845. Boria dikaitkan dengan peristiwa Karbala, iaitu pembunuhan Saidina Hussein r.a., putra Saidina Ali (cucu Nabi Muhammad SAW) oleh tentera Yazid, putera Muawiyah bin Abi Suffian. Insiden Karbala adalah yang terburuk dan paling berdarah dalam sejarah, dengan pembunuhan paling berat dan paling dahsyat dalam sejarah Islam (Mohammad Monib & Islah Bahrawi, 2011). Menurut catatan sejarah oleh E.T. Haughton, Boria dibawa ke Pulau Pinang oleh Rejimen Madras sebelum dipindahkan ke Tanah Melayu pada tahun 1845 (E.T. Haughton 1897). Boria adalah bentuk teater Melayu yang berasal dari India dan sejak itu berkembang menjadi satu-satunya teater masyarakat Melayu di Pulau Pinang, Malaysia (Rahmah, 1987). Menurut catatan, boria yang diamalkan di Pulau Pinang pada masa itu mirip dengan tradisi Syiah yang menyeksa anggota kumpulan itu untuk menyampaikan kesedihan terhadap peristiwa Karbala (Muhamad Yusuf Sultan Maidin, 1922). Namun, kerana berlalunya masa dan kekangan dalam penyebaran pengetahuan Syiah, boria mengambil bentuk baru. Boria berasal dari Parsi dan bermaksud sejenis wadah untuk menyimpan kemenyan dan lilin, atau apa yang dikenali dalam bahasa Melayu sebagai bekas berasap, disajikan dalam sebarang perjumpaan atau perjumpaan, menurut sumber lisan, En. Abu Bakar bin Jaafar, ketua karang Boria. Boria juga merujuk pada sejadah atau "tikar" di mana orang-orang Parsi yang sedang bersedih akan duduk untuk mengingati pembunuhan pahlawan Islam yang mengerikan dalam sepuluh hari pertama Muharram dengan meratap dan berkabung. Ayat-ayat tersebut akan dilafazkan oleh ketua kumpulan, diikuti dengan respons dari sekumpulan lima atau enam pengikut. Soalan dan jawapan dalam ayat ini menunjukkan perbuatan baik, keberanian, dan keberanian para pejuang Muslim (Manan, 2016).

Boria adalah persembahan yang berasal dari Pulau Pinang dan diubah dari makna asalnya ta'ziyah dalam peristiwa Karbala oleh tafsiran Syiah, yang mengakibatkan boria menjadi persembahan bersuka ria (Mahd. Ishak Abd Aziz, 1979). Selanjutnya, evolusi boria dapat dilihat dari segi tujuan dan waktu persembahan, serta pakaian yang dipakai, alat muzik yang digunakan, dan faktor lain (Amirrul, 2020).

Selain tarian, persembahan boria merangkumi dua segmen iaitu sketsa dan nyanyian. Nyanyian Boria biasanya dipimpin oleh komposer yang menyanyi sambil memegang tongkat. Akhir suku kata dalam setiap rangkap Boria adalah sama untuk setiap ayat yang berkaitan dengan sketsa yang disampaikan. Di belakang tukang karang, sailor atau kelasi akan menyanyi dengan mengulangi bait pertama puisi tukang karang (Rahmah, 1987). Dengan berlalunya masa, seni persembahan boria telah berkembang dan berubah. Sekiranya dahulu tarian boria pernah dikaitkan dengan sketsa, ia kini berubah seiring berjalannya waktu, dengan irama twist, agogo, Hindustan, cha cha, dan pop yang sangat mempengaruhi boria pada tahun 1950-an dan 1960-an. Walau bagaimanapun, dengan pengaruh irama yang lebih baru dan meluas seperti diskو, rap, dan hip hop semakin menular di kalangan beberapa kumpulan boria, persembahan boria semakin kuat. Watak yang dimainkan oleh kumpulan boria tertentu, kadang-kadang tidak menggunakan skrip dan sebaliknya berjaya secara spontan dan semata-mata berdasarkan senario yang telah ditentukan (Muhibudin dan Ferdhaus, 2014). Alat muzik Boria juga berkembang dari masa ke masa. Walau bagaimanapun, dalam persembahan boria, alat muzik seperti biola, marwas, gendang panjang, akordion, dan harmonika diperlukan. Pada hakikatnya, kumpulan muzik dan orkestra digunakan untuk menghidupkan suasana dan keadaan. Sebelum ini, pakaian ahli boria terdapat dalam pelbagai corak dan warna, tetapi sekarang mereka lebih seragam tetapi lebih khas dan ceria dengan pelbagai warna. Kostum sailor atau kelasi, misalnya, adalah seragam kecuali tukang karang yang akan memakai pakaian yang berbeza atau lebih meriah. Pergerakan tarian juga telah diseragamkan, dan persembahannya merangkumi unsur-unsur kemodenan dan komedi. Sejarah Boria dapat diringkaskan dengan cara ini. Dahulu ia hanya dikenali di bahagian utara negara ini, terutama di Pulau Pinang, tetapi kini terkenal di seluruh negeri (Muhibudin dan Ferdhaus, 2014).

Oleh itu, kajian ini dapat membantu untuk memelihara seni dan warisan persembahan boria di Pulau Pinang untuk generasi akan datang. Perbincangan mengenai asal usul boria mampu untuk menjelaskan nilai warisan boria di Pulau Pinang.

**TRANSKRIP
TEMU BUAL
BERSAMA TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH

5.1 Transkrip Sesi Pertama

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni boria. Bersama-sama kami ialah Encik Jibran Khalil Sindamadar yang merupakan seorang penggiat aktif kesenian boria di Pulau Pinang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 22 Mei 2021 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 5 petang secara atas talian dengan menggunakan platform Google Meet. Temu bual ini dikendalikan oleh Nur Nasyitah Amani Bt Marzuki dan juga Nur Shamila Aniesha Bt Samsudin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NNA: Okey Encik Jibran (serentak)

JK: (serentak) Waaalaikumussalam ya

NNA: Boleh tak Encik Jibran ceritakan sikit tentang diri Encik Jibran macam nama penuh, umur?

JK: Okey Insya Allah[dengan izin Allah SWT] (menoleh ketepi) ini berkaitan dengan latar belakang saya sebagai yang dianggap sebagai seorang tokoh iaitu nama saya adalah nama penuh Jibran Khalil Bin Haji Sindamadar dan umur sekarang ni 54 tahun dan tinggal di Pulau Pinang berhalaman 28-1-4 Medan Samak, Jalan Samak 10150 Pulau Pinang. Jadi tarikh lahir saya adalah 25 Julai 1967 dan dilahirkan di (bunyi gangguan dan suara kanak-kanak) Pulau Pinang[Malaysia] dan hobi saya adalah dalam bidang kesenian terutamanya apa ni nyanyian, seni suara (gangguan talian) dan jugak kebudayaan. Latar belakang pendidikan setakat SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] ja la pada tahun 1984. Zaman-zaman tu takdak PTPTN [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional] untuk saya nak melanjutkan pelajaran la takdak apa-- yang boleh digadai untuk cari sumber untuk melanjutkan pelajaran saya berhenti takat situ ja la dan latar belakang keluarga ya nak saya teruskan ka?

NNA: Ya boleh --

JK: Ataupun ada soalan lain?

NNA: Boleh teruskan dulu.

JK: Boleh teruskan nah?

NNA: Haah

JK: Okey latar belakang keluarga tu berapakah bilangan adik beradik. Adik beradik saya seramai lima orang dan nama ibu dan bapak tu Sindamadar bin Ibrahim, Haji Sindamadar bin Ibrahim dan ibu Faridah Binti Khadir. Ibu itu adalah Allahyarham lah dah meninggal 3 tahun sudah(gangguan bunyi). Ayah masih lagi ada la (gangguan bunyi). Perkahwinan saya ni nama anak dan isteri ya?

NNA: Ya

JK: Nama anak-anak, anak yang mula tu Muhammad Hazim Akmal, Muhammad Hamizan Akmal, Nur Hazirah Akmar dia ada ro yang mula tu mal lepastu Nur Hazmin Akmar, Nur Sorfina Akmar dan yang akhir sekali Nur Alisya Zara.

NNA: Semuanya lima ka?

JK: Enam

NNA: Enam-- okey?

JK: Ya dua lelaki tadi tu dari mula dan yang *last* [terakhir] empat tu perempuan ya (serentak) dan nama isteri tu Nazli Yati Binti Ismail lah (bunyi getaran telefon bimbit).

NNA: Okey

JK: Yang itu perkahwinan la

**NNA: Tadi Encik Jibran cakap sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] kan belajar kan?
So [jadi] lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tu terus menceburi bidang boria ya?**

JK: Dak sebelum lagi SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] la masa saya daripada tingkatan dua tu pada tahun 1981 tu saya dah mula bergiat aktif dalam bidang boria la.

NNA: Ohh kkk (serentak)

JK: _____(serentak)

NNA: Masa tu macam mana boleh terlibat dengan boria ni? Macam mana boleh minat tiba-tiba?

JK: Boria tu *actually* [sebenarnya] boleh dikatakan di zaman kegemilangan boria masa tu pada awal tahun tujuh puluh-an[1970] sampai lapan puluh-an[1980] tu ada pertandingan ‘Dendang Rakyat’ yang diterbitkan oleh RTM[Radio Televisyen

Malaysia] di mana pertandingan awal tu diadakan melalui radio di Pulau Pinang[Malaysia], jadi banyak kumpulan yang turut serta dalam apa ni pertandingan tu dan dipilih untuk mewakili ke peringkat suku akhir (bunyi getaran telefon bimbit) di dalam apa TV[televisyen] [televisyen] la RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Masa tu TV1[rancangan televisyen Malaysia] RTM [Radio Televisyen Malaysia] dan disiarkan secara langsung dalam apa tu TV[televisyen] la. Jadi itu adalah zaman kegemilangan la kalau anak-anak Pulau Pinang[Malaysia] zaman tu memang sangat-sangat minat boria dan kebetulan pulak saya masa tu dah memang mula menceburkan diri dalam nyanyian mewarisi apa ni bakat ayah saya tu. Jadi orang kata apa terdetiklah satu hari tu aku pun nak jadi jugak seorang penyanyi apa dalam kumpulan apa boria tu sendiri la. Jadi pada tahun lapan puluh satu[1981] saya berjinak-jinak dulu dengan apa ni satu kumpulan boria di kampung saya sendiri di Kampung Makam [Pulau Pinang,Malaysia]

NNA: Kampung apa?

JK: Kampung Makam [Pulau Pinang,Malaysia]

NNA: Makam okey.

JK: Makam ya di Pulau Pinang [Malaysia] la

NNA: Okey

JK: Sehingga la sekarang ni saya masih lagi tinggal di Kampung Makam [Pulau Pinang,Malaysia] la sekarang yang Medan Samak [Pulau Pinang,Malaysia] tu betul-betul sebelah Kampung Makam[Pulau Pinang,Malaysia] tu dia dalam kawasan la jadi selepas saya menceburkan diri pada tahun lapan puluh satu[1981] pada tahun lapan puluh enam [1986] saya telah ditawarkan untuk menjadi tukang karang penyanyi utama kumpulan boria tu yang dinamakan tukang karang tu untuk kumpulan Hospital Besar Pulau Pinang[Malaysia] (gangguan bunyi) Jadi Hospital Besar Pulau Pinang [Malaysia] masa tu adalah satu-satunya kumpulan yang boleh dikatakan kumpulan yang *favourite* [kegemaran] la selain daripada kumpulan Boria Sungai Pinang[sebuah kumpulan boria di Pulau Pinang,Malaysia] dan juga Boria Rawana [sebuah kumpulan boria di Pulau Pinang,Malaysia]. Jadi dulu kalau orang sebut dua nama kumpulan ni kira *top*[terkemuka] la di Penang[Malaysia]. Rawana dengan Sungai Pinang [Pulau Pinang,Malaysia]. Dan boria perubatan(bunyi getaran telefon bimbit) Hospital Pulau

Pinang[Malaysia] ni jugak tidak terkecuali la daripada penglibatan yang tadi dan bila ditawarkan tu saya bersetuju(gangguan talian) untuk menjadi tukang karang.

NNA: Hmm okey(serentak)

JK: Jadi yang tawarkan saya masa tu adalah. Dengar tak? (bunyi getaran telefon bimbit)

NNA: Ya

JK: *Clear* [Jelas] tak?

NNA: clear--[jelas]

JK: *clear*[jelas] ya. Okey orang yang tawarkan saya tu adalah orang yang tinggal di Kampung Makam [Pulau Pinang,Malaysia] jugak. Kebetulan dia tu adalah pemimpin pada kumpulan boria hospital (bunyi getaran telefon bimbit) tu la Hospital Pulau Pinang[Malaysia] (bunyi getaran telefon bimbit) tu. Jadi apabila saya mencebur dalam apa ni saya menyertai kumpulan boria perubatan Hospital Pulau Pinang[Malaysia] nama saya semakin orang kata apa dikenali la dalam boria apabila setiap pertandingan- yang dianjurkan tu(bunyi gangguan dari komputer) saya mendapat apa ni tukang karang terbaik. Maksudnya penyanyi utama tu bagi setiap kumpulan boria tu dia dipanggil tukang karang jadi saya akan menggondol anugerah tukang karang terbaik setiap kali pertandingan tu diadakan la sama ada secara tahunan ataupun mana-mana agensi kerajaan ataupun badan-badan apa ni kerajaan ataupun kerajaan negeri itu sendiri di dalam Pesta Pulau Pinang[Malaysia]apabila diadakan saja pertandingan saya di apa dinobatkan sebagai tukang karang terbaik la di mana sehingga kini (bunyi getaran telefon bimbit) saya telah mendapat empat belas kali la tukang karang terbaik di Pulau Pinang[Malaysia] la. Jadi setelah saya menyertai kumpulan apa ni Hospital Pulau Pinang[Malaysia] pada tahun lapan puluh tujuh[1987] kami telah menjuarai Pesta Pulau Pinang. Pada tahun lapan puluh tujuh[1987] la dan pada tahun lapan puluh lapan[1988] kami telah disenaraikan sebagai finalis dalam apa ni pertandingan Dendang Rakyat iaitu peringkat kebangsaan yang saya ada sebut tadi tu dan diadakan setiap dua tahun. Pada tahun lapan puluh lapan [1988] kami telah terpilih dengan kumpulan boria yang saya sebut tadi kumpulan boria Rawana untuk pergi ke *final* [akhir]. *Final* [akhir] diadakan di Kuala Lumpur[Malaysia] Angkasapuri[Kuala Lumpur,Malaysia] di mana disiarkan secara apa ni langsung dan kami telah menjadi juara pada tahun 1988 la dan apa ni di mana kumpulan yang saya sebutkan tu menjadi juara pada tahun 1988. Dan

setelah tu pada tahun berikutnya (bunyi getaran telefon bimbit) 1989 saya kembali kepada kumpulan saya di mana saya mula dulu yang kumpulan saya tu dinamakan kumpulan Boria Wawasan dan kekal sehingga kini la (bunyi getaran telefon bimbit). itulah apa nama ni penglibatan saya pada tahun (bunyi getaran telefon bimbit) 1981 dan menyertai apa ni kumpulan boria perubatan hospital lapan puluh lima [1985] dan lapan puluh enam [1986] tu tahun tu dan menjuarai pada tahun lapan puluh lapan [1988] dan Kembali semula kepada kumpulan saya pada tahun lapan puluh sembilan [1989].

NNA: Tahun lapan puluh sembilan [1989] Sampai sekarang.

JK: Jadi kumpulan saya pada tahun lapan puluh sembilan [1989] tu. Boleh saya teruskan ya?

NNA: Boleh--

JK: Boleh nah. Pada tahun lapan puluh sembilan [1989] tu saya teruskan kumpulan saya tu sehingga kini la (gangguan bunyi). Jadi selama penglibatan saya daripada kumpulan saya sendiri tu saya banyak la mempelajari (bunyi getaran telefon bimbit) tentang kaedah membuat rangkap karangan boria itu (bunyi getaran telefon bimbit) sendiri di mana rangkap karangan boria itu perlu ada kemahiran la jadi saya berguru la dengan saudara seorang tokoh boria pada Ketika tu iaitu (bunyi getaran telefon bimbit) Allahyarham Abdullah Darus [Tokoh Boria] (bunyi getaran telefon bimbit) dan untuk bahagian sketsa ni saya banyak berguru dengan (bunyi getaran telefon bimbit) Allahyarham apa nama dia pun menunggal dah Pak Kan. Nama dia Allahyarham Pak Kan la tu semua orang-orang lama yang memang sekarang dah takdak la. Al-Fatihah untuk depa la. Dan saya berguru la saya tak kata saya belajar dengan sendirinya sebab saya mungkin sudah ada kebolehan daripada segi nyanyian tu jadi saya nak mahirkan diri saya jadi saya belajar semua sampailah ke gerak tari dalam boria tu. Jadi buat masa sekarang ni saya sudah tidak ada masalah lagi kalau nak bentuk setiap kumpulan tu sebab saya boleh mengajaq semua dah. Maksudnya daripada segi tarian, rangkap karangan boria itu sendiri, tukang karang itu sendiri ataupun sketsa dalam boria tu sendirilah. Jadi itu kemahiran saya dalam inilah sebab tu saya menujuhkan Akademi Boria tu supaya ada pelapis la yang saya boleh orang kata apa *deliver* [menyampaikan] ke anak-anak muda atau siapa saja la yang nak belajar berkaitan dengan boria tu. (bunyi suara kanak-kanak)

NNA: Hmm kk. Hmm tadi (serentak)

JK: (serentak) Jadi nak tau dak (bunyi getaran telefon bimbit) apa yang ada dalam boria tu? saya masuk terus ke macam mana dengan soalan ni dulu

NNA: kejap tadi Encik Jibran kata minat tu datang dari ayah ya?

JK: Ha minat dak (bunyi getaran telefon bimbit) *actually* [sebenarnya] bakat la bakat tu mewarisi ayah saya

NNA: So[jadi] (serentak)

JK: Jadi minat boria tu timbul

NNA: Ya

JK: Timbul apabila saya sendiri dok tengok boria tu sebab bapak tak pernah terlibat dalam boria

NNA: Ohh okey--

JK: Saya sendiri yang apa nama ni minat sendiri la dalam boria ni bila saya tengok nampak macam boria ni macam unik la *something* [sesuatu] yang boleh memberi kesedaran kepada masyarakat sebab apa banyak isu-isu yang dibawak tiap-- kali yang persesembahan yang saya tengok sama ada saya dengar di radio ataupun apa yang saya tengok di TV[televisyen] tu boleh dijadikan pedoman untuk orang yang menonton tu

NNA: Aaaa

JK: Sudah tentu akan memberi kesedaran kepada masyarakat tak kira la apa tema yang diorang bawak sama ada tema masyarakat kan tema apa saja la dadah ka kesihatan ka kejiranan ka apa-apa saja la. Jadi dia boleh dijadikan satu media la untuk orang kata apa menyedarkan masyarakat untuk menyalurkan jugak maklumat kepada masyarakat boria ni la yang saya nampak unik dia tu lah

NNA: Paham.

JK: Jadi soalan saya teruskan soalan perkahwinan dah habis dah la ataupun dari nak teruskan kan ka atau nak tanya lagi? (bunyi suara kanak-kanak)

NNA: Aaaa

JK: Lagi sorang

NNA: Dia

JK: Sapa nama tak tau (bunyi getaran telefon bimbit)

NNA: dia ada (serentak)tapi-- dia tak boleh bukak kamera kod rasanya

JK: Ouhh tak boleh bukak kamera

NNA: Aaaa

JK: Tak nampak ni nampak-- dia

NNA:Ada kk

JK: Dua-dua orang utara senang la nak cakap

NNA: Aaaa

JK: Orang Kulim[Kedah,Malaysia].Sorang orang Kulim[Kedah,Malaysia] sorang lagi?

Alor Setar[Kedah,Malaysia] ehh?

NNA: Sorang lagi aaa Penang[Malaysia] jugak. Dia Sungai Dua[Pulau Pinang,Malaysia].

JK: Ouhh Penang[Malaysia]. Dia Penang [Malaysia] Sungai Dua[Pulau Pinang,Malaysia]. Butterworth [Pulau Pinang,Malaysia] ?

NNA: Ermm Mila?

JK:tak dengar suara Mila nama kawan tu

NNA: Haaah rasanya *line*[talian] dia *slow* [perlahan] kot takpa--

JK:saya teruskan la ya

NNA:Apa Encik Jibran sebenarnya boria ni apa dia? Dia persembahan orang kata apa sketsa atau macam mana?

JK: Dia okey dia macam saya pernah bagitau dulu bahawa uniknya boria ni sebab dia ada empat dalam satu

NNA: Empat dalam satu

JK: Dia ada sketsa dalam boria, dia ada gerak tari lah macam tarian tu, gerak tari dalam boria dan dia ada penyanyi. Penyanyi tu dipanggil tukang karang dalam boria dan satu lagi tambahan dia yang saya kata *three* [tiga] *plus* [tambah] *one* [satu] tu satu lagi adalah rangkap karangan yang paling unik

NNA:Aaaa

JK: Sebab rangkap karangan ni adalah suku kata tau suku kata yang sama yang bukan macam pantun dia menyerupai syair bukan syair tapi dia adalah pantun dia adalah rangkap karangan boria

NNA: Ouhh paham--

JK: Aaa macam contoh saya bagi la macam contoh marilah kita mengubah sikap, banyak bekerja dari bercakap,cubalah buktikan pantas yang cekap, segala kelemahan dapat disingkap. Hujung dia ada kap kap kap dalam waktu yang sama ia memberi erti dan makna yang tersirat la

NNA: Okey.paham--

JK: Jadi itulah kelebihan apa ni boria yang dikata empat dalam satu dalam satu boria tu ada empat keunikannya

NNA: Aaaa

JK: Yang kalau kita pi pusing satu dunia pun tidak ada kesenian empat dalam satu

NNA: Emm okey paham

JK: Jadi inilah kita punya tu

NNA: Sangat unik ya boria ni

JK:sangat--unik

NNA:Masa Encik Jibran baru masuk dalam bidang boria nia da tak guru Encik Jibran yang bagitau macam mana asal usul boria ni datang?

JK:Pada awal tahunnya pada 1981 ni kita orang kata rodong ja masuk taktau apa nak belajaq bila satu masa dulu kita dok tengok masa tu dalam lapan puluh-an [1980] tu saya dok nampak dah kita ada banyak tokoh-tokoh tapi tokoh-tokoh boria ni depa mengaku la depa-- naik atas *stage* [pentas] mungkin seratus kali ka dua ratus kali tapi depa mengaku depa orang lama. Tapi apa yang saya nampak depa ni takdak ilmu pun nak *deliver*[menyampaikan]. *Deliver* [menyampaikan] kepada generasi yang akan datang tu. Jadi itu yang membuatkan saya ni nak berguru. Maksudnya bukannya saya ambil satu dua orang selain dari tokoh-tokoh saya jugak berkawan dengan orang yang banyak naik *stage*[pentas] walaupun dia tak pandai nak *deliver*[menyampaikan].

Berkawan dan orang kata apa mempelajari la ilmu tu kan kita tengok macam mana sketsa boria tu la bukan terikat dengan skrip. Tidak pernah ada boria ni terikat dengan skrip. Itu adalah cara spontan. Selalunya kalau kumpulan boria saya pun sebelum nak naik *stage*[pentas] kita akan bincang macam ni contoh saya bagitau harini kita nak main cerita dadah. Okey hang jadi penagih, hang jadi tok imam, hang jadi penghulu dan sorang lagi AADK [Agensi Antidadah Kebangsaan] jadi AADK [Agensi Antidadah Kebangsaan] ni akan tangkap penagih ni. Penagih ni akan pi jumpa tok imam dulu sebelum nak bawak apa-apa jadi ada penghulu jadi orang tengah apa jadi okey depa ni akan jom kita bawak pi jumpak mak bapak dia maklum kata macam ni macam ni [gangguan bunyi] yang kita akan bawak masuk pemulihan. Contoh macam tu. Jadi bila saya-- nanti bagi *short*[ringkasan] apa ni orang kata apa depa ni macam kesimpulan saja daripada cerita tu dan pelakon-pelakon saya sudah mempunyai kemahiran sendiri [gangguan bunyi]untuk *create*[buat] *story*[cerita] tu. Tak perlu saya nak kena bagi skrip. Memang boria dia spontan. Ni lah yang saya kata tadi kelebihan apa ni boria ni.

NNA:Spontan (serentak)

JK: Macam berlakon drama la

NNA: Kiranya spontan tu dari segi apa orang kata rangkap-rangkap tu ka atau tarian?

JK: Okey dia macam ni selalunya bila saya bagi kat diorang sketsa boria secara kesimpulan jadi saya jugak akan bagi rangkap karangan boria yang telah saya buat okey sepuluh rangkap ka dua belas rangkap ka jadi depa akan *study* [kaji]lah contoh dari rangkap karangan depa akan *study*[kaji] semua rangkap karangan tu jadi depa tau la apa yang nak cakap sebab apa setiap persembahan boria tu katalah kita main tajuk berkaitan dengan dadah jadi dalam sketsa pon tidak boleh bercanggah dengan rangkap karangan yang hendak disampaikan. Depa takleh pi main cerita kejiranan tapi kita bawak tema dadah. Jadi itu yang apa kelebihan apa(bunyi getaran telefon bimbit) ni boria ni saya kata jadi cerita mestilah tidak bercanggah dengan rangkap karangan boria yang akan dinyanyikan oleh tukang karang tu tadi.

NNA: Hmm okey-- paham

JK: (serentak)

NNA:Sepanjang apa Encik Jibran terlibat dengan Boria ni. Boria ni ada jenis—jenis--dia--ka--

JK:Dia sebenarnya dulu la pada kita cerita balik sejarah dulu sejarah dulu ni dia ada boria dua jenis boria. Satu yang boria yang macam biasa yang dimainkan sehingga sekarang dan satu lagi boria yang dinamakan Kuli-- Kalil--[sejenis boria] ni

NNA: (serentak)

JK: Kuli kalil (serentak) K-U-L-I -K-A-L-I-L

NNA: Kuli Kalil(serentak) Okey –

JK: Kuli Kalil [sejenis boria] ni dimainkan pada waktu malam la pada dulu-dulu(gangguan bunyi). Pada awal-awal dua puluh-an [1920] tiga puluh-an [1930] dulu boria-- ni semua ada orang-orang tua depa-- tak suka anak-anak depa main boria. Pasepa pasai main boria dulu ni jenis pi main boria depan rumah tauke-tauke _____ tauke-tauke jadi tauke-tauke semua akan bagi token. jadi masa tu la kira jadi macam satu sumber pendapatan kepada orang-orang yang main boria la. Jadi dia lebih menjurus kepada puji pujian kepada tuan rumah tu atau tauke-tauke kedai tu la. jadi depa nanti pi la dari mukim ke mukim jadi apabila ibu bapak ni depa tak setuju anak-anak depa ni main boria marah macam seolah-olah anak depa ni pi mintak sedekah punya pasai depa terpaksa jadikan boria tu sebagai boria yang dinamakan tadi Kuli Kalil[sejenis boria] tu mewarnakan muka diorang tu maksudnya diorang bubuh warna-warna apa tu bagi orang tak cam la pi main-main la waktu malam orang tak cam la orang tak kata ni anak si bedah ni aku tengok tadi ni pi main rumah ni main boria ni jadi benda tak jadi isu macam tu. Sebab tu dulu boria ni ada dua la satu boria Kuli (gangguan talian)Kalil [sejenis boria] dan boria yang kita dapat tengok harini la. Tapi boria Kuli Kalil[sejenis boria] tu tidaklah dibawa sehingga kini dia habis macam tu saja la. Itu boria la dulu-dulu. (bunyi gangguan dari komputer)

NNA: Okey paham--. Kiranya ada dua ja la ya?

JK: Kuli kalil dan ya boria yang sekarang ni yang masih ada lagi . dua jenis tu ja la

NNA: Ahh okey--.Okey tadi Encik Jibran ada kata berguru dengan ada berguru dengan ramai la jugak kan yang pandai dalam apa seni boria. Boleh saya tahu tak nama—guru- - Encik Jibran.

JK: Boleh Insya Allah[dengan izin Allah SWT]

NNA: (serentak) ada ramai ka guru?

JK: (serentak)Guru yang saya belajar (gangguan bunyi) ya saya

NNA: Ada ramai ka?

JK: Dia tiga orang ja

NNA: Ada tiga orang

JK: Mengikut bidang tu daripada segi tukang karang tu macam dia kebetulan saya dah boleh menyanyi jadi saya takdak guru lah kan jadi dah saya ada kebolehan boleh menyanyi saya tak berguru (bunyi suara kanak-kanak) Cuma bila tang rangkap karangan boria tu saya berguru dengan Abdullah Darus[Tokoh Boria] la. Dia tak bagi secara *detail*[terperinci] kepada saya cuma dia bagitau saya macam mana nak buat satu rangkap karangan boria yang baik (gangguan bunyi kanak-kanak)saya tanya dia sebab masa tu dia suroh saya buat ikod suku kata saya buat ja (membuat reaksi tangan) tapi bila saya buat tu kadang tu maksud dia tu tidak kesampaian. Walaupun berhujung suku kata dia tu kalau kata ri-ri-ri saya buat la ri menari ka kari ka kain sari ka lari ka hari ka. Kita boleh buat semua tu kan tapi maksud dia tak jelas jadi dia ajaq saya macam mana nak bagi maksud tu jelas (gangguan bunyi) dan orang paham dia kata jadi sebab daripada situlah saya banyak belajaq la sebab tu la bukan semua orang ada kemahiran(suara kanak-kanak) buat rangkap karangan boria dengan (gangguan internet) jadi _____ la *tips*[petua] saya harini dan saya seniqi pon tak pernah bagi kat orang lain *tips*[petua] untuk buat rangkap karangan boria. Kita ambik contoh la kalau kita nak buat(suara kanak-kanak)sketsa tema dadah la kita kata contoh kalau kita buat tema dadah kita ambik sepuluh rangkap karangan boria. Okey untuk sepuluh rangkap karangan boria selalunya pada rangkap pertama itu adalah nama pengenalan nama kumpulan(suara kanak-kanak). Pengenalan nama kumpulan dia akan sebut Boria Wawasan membawa cerita (menyanyikan rangkap karangan boria) kan dia empat rangkap tu kat hujung dia-- akan sebut pengenalan rangkap yang kedua tadi dia akan apa ni sebut tentang tema yang akan(bunyi gangguan dari komputer) dipersembahkan rangkap yang kedua. Jadi ada lagi lapan rangkap tu betul tak kita ambik tiga rangkap tu dia kena *pro and contra* [kebaikan dan keburukan]. Maksudnya apa kebaikan dadah dan apa keburukan dadah. Kebaikan dadah tu dijadikan ubat ubatan dan keburukan dadah tu tau la bila ambik dadah apa kemusnahan diri dan apa *effect /kesan* kepada keluarga dan masyarakat. Kan jadi benda tu dah masok tiga--dah enam dengan dua pengenalan tadi dah lapan dan rangkap yang kesembilan tu mestilah kesimpulan.

Kesimpulan daripada (menunjukkan reaksi tangan) (gangguan talian) cerita tadi semua tu yang mungkin kalau main cerita dadah dia akan berunsur nasihat yang apa ni rangkap kesembilan(suara kanak-kanak) dan rangkap yang kesepuluh adalah penutup. Penutup tu yang Boria Wawasan(menyanyi) ni kira memohon maaf kan ampun dan maaf apa macam tu la penutup dia la jadi itulah *complete* [lengkap]nya setiap rangkap rangkangan rangkap karangan boria. (serentak)

NNA: Dalam boria ni rangkap tu memang ada sepuluh atau macam mana? (gangguan bunyi)

JK: Sekarang ni dah dijadikan *standard*[piawai] sepuluh la (serentak)

NNA: (serentak) *standard*[piawai] sepuluh

JK: Kalau masa zaman--saya terlibat dulu dalam lapan puluh-an[1980] masa tu dua belas

NNA: Okey--

JK: Ha dua belas dan ada jugak yang saya pernah buat dua puluh rangkap karangan dan ada jugak pernah tiga puluh rangkap karangan dan ada jugak sembilan belas. Dalam boria kapi ya seni Tekpi[seni senjata bela] tu dia ada sembilan belas karangan dan baru-baru ni kita main dalam persembahan tanpa henti dua jam di Dewan Sri Pinang[Pulau Pinang,Malaysia] yang tu cipta rekod la tanpa henti yang tu tiga puluh rangkap karanganlah. Melibatkan apa ni tiga puluh tiga[33] orang dalam boria tu dan sepuluh pelakon semua empat puluh tiga orang dalam satu persembahan yang mana diadili oleh tuan yang terutama Gabenor Pulau Pinang[Malaysia] pada dua tahun sudah la yang *last* [terakhir] kita cipta rekod di Pulau Pinang[Malaysia] lah di samping kita cipta rekod *sailor*[kelasi] yang paling teramai di apa di Kampung Seronok Pulau Pinang[Malaysia] sebanyak 2081 penari di Kampung Seronok[Pulau Pinang] lah.jadi itulah sedikit apa ringkasan berkaitan dengan rangkap karangan boria la. Kalau kita nak cerita macam pasal sketsa ni macam sketsa ni dia memang kurang-kurangnya la ni la ada tiga,empat orang la dulu lapan orang pun berlakon. Tapi la ni pelakon lelaki dulu-- pelakon lelaki yang akan pakai watak perempuan la dulu takdak macam sekarang ni nampak macam setiap satu kumpulan tu saya tengok perempuan tu sendiri yang apa melakonkan watak perempuan tapi kalau dulu ni lelaki dibenarkan berpakaian apa ni wanita lah, tu pun jika perlu la ada watak tu dalam apa orang kata apa dalam persembahan boria tu la. Jadi

pelakon pulak masa tu dia guna-- bahasa Melayu tapi loghat utara la dia kena guna loghat utara dan kalau dia guna Bahasa macam Melayu yang besa pun takdak masalah la cuma dia punya kesesuaian cerita tu dia boleh ni la kan. Jadi masa tu pulak bahasa tu dia kena guna bahasa yang apa bersopan takdak--unsur--(bunyi getaran telefon bimbit)jadi bahasa yang nak guna tu mestilah bahasa yang tidak ada ____ takda unsur fitnah sultan,lucah ataupun perkauman yang tu kena jaga. Jangan apa ni ____ . Tapi corak lakonan tu dia macam apa ni bentuk sketsa yang ringkas la dia bukan la macam- nak buat teater yang panjang-panjang kan dia cuma yang penting la ni bagi ada maksud yang jelas dengan apa maksud yang positif la yang tu yang apa orang kata kelebihan apa sketsa la lagi satu kita kena selalunya macam kalau saya nak buat macam saya kata tadi la selalu buat apa nama sinopsis cerita la bukan skrip. Buat *synopsis*[sinopsis] cerita untuk depa buat rujukan la sama ada sebelum persembahan atau pun sebelum pertandingan la tapi kalau macam pertandingan yang besar-besar tu kita buat la latihan. Tak boleh la pi belakang *stage*[pentas] lima,sepuluh minit baru bagi kan.

NNA:betul--

JK:macam tak kena la tu kan. Orang kata *prepare*[bersedia] sekurang-kurangnya masa depa berlakon di depan saya boleh bagitau yang ni tak boleh yang ni boleh.jadi saya selaku ketua kumpulan bukan saja saya ambil bidang saya saja, saya bertanggungjawab atas semua. Saya nak pastikan bahawa mantap dari segi lakonan,gerak tari dan saya sendiri sebagai apa--nama--ni--penyanyi yang paling utama yang dipanggil tukang karang tu, saya kena pastikan saya boleh menyanyi dengan baik dan saya akan pastikan jugak rangkap karangan saya tu jugak baik. Untuk inilah sebab saya bila sejak saya dah boleh buat rangkap karangan boria tu sendiri dan saya tak dah tak nyanyi dah rangkap orang lain,yang disediakan orang lain. Saya nyanyi rangkap karangan sendiri lah dimana kelebihan saya sebagai seorang tukang karang bila menyanyi rangkap karangan saya sendiri, kelebihan dia saya mudah hafal sebab benda tu mai daripada saya sendiri saya yang tulis dia mudah hafal. Kalau saya ambil dari orang-orang saya amik makan masa la sikit nak hafal jadi tu la kelebihan (gangguan bunyi)orang-- apa yang boleh menulis dan boleh menyanyi sendiqilah dan dalam gerak tari lak. Nak saya teruskan ka ada soalan lagi?

NNA:Takpa Encik Jibran boleh teruskan

JK: *Alright* [baiklah]saya teruskan dulu. Kalau ada apa-apa boleh tanya la. (gangguan bunyi)

NNA:**Okey**

JK: Macam tu jugak gerak tari dia gerak tari yang kalau kita kira dulu ni dengan sekarang ni amat berbeza la. Dulu dia lebih kurang macam orang kata apa *freestyle*--[gerak bebas]. Jadi kalau dulu kalau kita nak main cerita berkaitan dengan keamanan negara, rukun negara ka apa macam tu punya cerita, pakaian tu akan bersifat kepada kebangsaan. Kalau main cerita berkaitan dengan tentera, pakai baju tentera yang belakang penari ni dipanggil *sailor*[kelasi]. Penari dibelakang tu dipanggil *sailor*[kelasi] la dalam Bahasa Melayu tu nama kelasi jadi kalau macam persembahan gerak tari tu dia mestilah kreatif kalau kita kira la ni la sekarang ni depa—*more*[lebih] depa kreatif la dimana pergerakan macam orang kata *choreographer* [koreografer] aaa dengan tukang karang tu sendiri dia mempunyai satu kreativiti tersendiri. Tukang karang tu kalau dia dok nyanyi di depan dia tak boleh pi menyanyi macam tu saja ataupun pegang *mic*[mikrofon]. Tak boleh sebab *mic*[mikrofon] dia kena ada *stand mic*[mikrofon berdiri] dan tukang karang tu mestilah wajib dia membawak tongkat di tangan. Sama ada tangan dia dah biasa dengan tangan kanan(bunyi getaran telefon bimbit) ataupun kiri, mesti ada tongkat jadi yang tu kelebihan yang ada pada tukang karang la (bunyi getaran telefon bimbit) betul tak Jadi(gangguan talian) (Gerakan tangan)pakaian-pakaian dia jugak mestilah berpakaian lebih apa namanya ni menarik daripada kelasi tadi aaa *sailor*[kelasi] yang menari di belakang(bunyi getaran telefon bimbit). Jadi itulah yang apa nama ni yang dinamakan tukang karang ni. Jadi depa ni kira masing-masing ni depa macam gerak penari tadi tu. Yang gerak tari ni depa masing-masing terikat la dengan apa orang kata apa gerakan asas apa ni boria tu sendiri yang menampakkan kata macam persembahan boria la bukanlah macam persembahan tarian betul dak? Tarian ni tau la dia punya ni *posture*[postur badan] apa semua ni. Dia takmau ni sebab tu kita tak kata tarian dalam boria kita panggil gerak tari dalam boria. Walaupun ada tokoh-tokoh lain yang menganggap(gangguan bunyi) tu sebagai tarian sebenarnya kita tak terikat dengan tarian ni la. Kalau tarian ni kita nak kena tengok *sharpness* [ketajaman]dia apa semua kan. Tapi boria ni dak. Boria ni dia *more*[lebih] gerak tari la dia gerak, dia ikut macam apa tempo kepada lagu tu sendiri la. Jadi di samping tu jugak *hand*[tangan] prop la. *Hand*[tangan]prop ni macam kalau kata bunga mangga,payung, bendera dan macam alatan ringan-ringan macam kata gendang apa

semua tu dimasukkan dalam setiap kali persembahan boria tu bagi nampak ceria. keceriaan dalam apa ni setiap kali persembahan boria tu la kadang-kadang pelakon-pelakon yang tadi berlakon empat, lima orang tu mungkin depa yang akan berperanan pegang apa namanya ni payung nanti hayun la payung tu di belakang pegang bendera, bunga mangga la. Selalunya yang dinamakan *sailor*[kelasi] tu depa akan teruskan dengan depa punya apa nama ni gerak tari depa yang tu di dalam apa nama ni gerak tari la (gangguan bunyi) kalau kita pergi kepada rangkap karangan boria tu rangkap karangan boria ni (gangguan suara orang bercakap) orang kata lirik lagu boria la tapi yang tepat lagi adalah rangkap karangan boria la. Jadi rangkap macam maksud dia tadi tu suku kata hujung mestilah sama. Macam contoh (gangguan talian) jangan diamalkan dasar perkauman, itulah racun dan itulah kuman berpecah-belah hidup tak aman, sikap begitu ketinggalan zaman itu man-man-man la belakang. Jadi kalau kita tengok balik rangkap karangan tadi tu kita tengok maksud dia sangat jelas kan. Kita tak boleh hentam kromo, masuk saja man-man tapi dia tidak mempunyai maksud yang jelas la boleh dijadikan apa nama ni satu pedoman kepada orang yang ni la kan tadi kata apa jangan diamalkan dasar perkauman kerana itulah racun dan itulah kuman. Maksud dia dan berpecah belah hidup tak aman, sikap begitu ketinggalan zaman. Yang ini kita cakap pasal perpaduan jadi ada isi dia la jadi persamaan suku kata tu jugak berdasarkan sebutan dialek tu jugak loghat la macam kita bila macam menyanyi jangan diamalkan dasar perkauman, itulah racun dan itulah kuman, berpecah belah hidup tak aman, sikap begitu ketinggalan zaman(menyanyikan rangkap karangan boria) itu cara nyanyian boria. Dia tak boleh ketinggalan zaman.(menyanyi) Tak boleh.(bunyi getaran telefon bimbit) Boria ni hujung dia kena mati. Menyanyi dia lain.(bunyi getaran telefon bimbit) tukang karang nyanyi dalam rangkap karangan boria lain. Dia kena sebut dengan jelas dia macam tu la. Kalau macam kita dok cakap loghat-loghat ni kita kata la sindiaq kata la contoh sindir. Dalam tulisan sindir tapi bila kita menyanyi kita boleh kata sindiaq. macam tu pandir kita kata pak pandir kan kita boleh kata pak pandiaq. Orang paham, orang tau. Patutnya tu memang belakang dia hujung dia memang dir--, tapi dalam setiap lagu tu adalah tidak salah di sebutkan dialek (bunyi getaran telefon bimbit) loghat tu. Loghat tu memang dibenarkan sama ada dalam mana-mana persembahan, mana-mana pertandingan yang pernah kita anjurkan di apa sama ada di peringkat kebangsaan ataupun negeri jadi itulah. Tapi itu boleh saya nak teruskan atau ada soalan dulu ka?

NNA: Boleh--. Teruskan.

JK: Okey. Jadi setiap karangan tu sekarang ni setelah kita ada simposium boria yang kita hadir haritu bersama dengan semua penggiat-penggiat boria dengan tokoh-tokoh boria di Pulau Pinang yang diadakan di perak dulu. Jadi masa tu kita dah bersetuju supaya rangkap karangan boria ni kita khas kan tidak boleh kurang daripada sepuluh rangkap karangan boria jadi untuk pertandingan dan persembahan yang biasalah. So[jadi], kiranya kata ataupun persembahan di TV[televisyen] tu dia kata kita cuma ada masa ni terhad sepuluh minit sahaja boleh dak buat sketsa dalam empat minit (bunyi getaran telefon bimbit) lima minit buat cerita lagu dalam lima,enam minit jadi kita terpaksa kurangkan rangkap karangan boria memang boleh itu boleh tapi selalunya kalau pertandingan ni memang tak boleh la. Tapi kita dalam Akademi Boria saya ni sendiri sedang berbincang dengan pihak TV[televisyen], pihak Astro[rangkaian televisyen Malaysia] untuk diadakan pertandingan macam ‘Akademi Fantasia’ tapi nama dia ‘Akademi Boria’ kita panggil yang itu ‘Yariba Boria’ rancangan tu tapi macam tu jugak la kita terpaksa bila pertandingan bila diadakan (gangguan talian)yang melibatkan apa(gangguan bunyi) ramai kumpulan yang masuk(bunyi getaran telefon bimbit) jadi durasi tu akan dipendekkan la(bunyi getaran telefon bimbit). Jadi saya akan pastikan kita kata bahawa walaupun lima rangkap karangan boria (bunyi getaran telefon bimbit) tu saya sendiri yang akan *monitor*[memantau] (bunyi getaran telefon bimbit) supaya pastikan lima rangkap karangan boria tu dapat menyalur mesej atau maklumat yang sangat jelas kepada penonton la.

NNA: Mm-hm

JK: Jadi itu pentinglah (bunyi getaran telefon bimbit) kita tak mau satgi macam saya kata tadi takdak *pro and contra*[kebaikan dan keburukan] bercakap tuu saja *contra* [keburukan]takdak tau-- terus penutup

NNA: Mm-hm

JK: Jadi ada tanda soal pada penonton sebab itu perlunya *pro and contra*[kebaikan dan keburukan] tapi boleh kata 90 peratus kumpulan boria yang dok ada depa tak tau konsep yang tadi saya habaq tu(gangguan bunyi)

NNA: Mm-hm

JK: Mau tengok ada pengenalan nama kumpulan, tema, tiga *pro*[kebaikan] tiga *contra* [keburukan]dan kesimpulan dan penutup. Sebab macam saya kata depa masih lagi

(bunyi getaran telefon bimbit) hentam kromo sebab tu saya tubuhkan akademi tu supaya saya nak pastikan bahawa semua kumpulan yang sama ada akan wujud selepas ini atau yang sedia wujud supaya depa tau dan depa mengikut garis panduan yang betul dan bila semua kumpulan ni dapat buat secara profesional senang kita pun nak angkat boria ni ke peringkat antarabangsa la kejohanan antarabangsa kan sebab ia boleh dijadikan sebagai satu kesenian warisan dunia.

NNA: Mm-hm betul--

JK: Ini harapan saya lah kan jadi itulah karangan boria ni dia tak boleh kurang daripada sepuluh rangkap karangan boria lah kalau kita adakan di apa nama ni pertandingan di Penang[Malaysia] ataupun persembahan secara biasa di Penang[Malaysia] la. Selalunya macam kebelakangan ini apa boleh kata dalam dua hingga tiga tahun ni mana-mana pertandingan yang kita anjurkan tu pihak juri ni perlu (gangguan bunyi) kita punya apa nama ni kejap naa depa perlu kita punya (gangguan bunyi) depa perlu kita punya sinopsis cerita dengan rangkap karangan terlebih dahulu. Depa nak tengok dahulu sebab depa nak pastikan bahawa tidak ada unsur-unsur perkauman, lucah , fitnah kan jadi kalau ada maksudnya depa ada masa untuk maklumkan balik kepada mana-mana kumpulan yang terlibat tu untuk perubahan la

NNA: Mm-hm

JK: Jadi kita agak apa ni terikat sikit dengan perkara ni bukan itu sebenarnya cadangan yang dibawa oleh saya sendiri kepada pihak-pihak juri Akademi Boria supaya nak pastikan kata apa perkara yang tak elok ni ditunjukkan di atas pentas la

NNA: Mm-hm

JK: Yang tu yang tadi rangkap karangan kita ada lagi satu ni yang muzik lagu dengan melodi boria la

NNA: Mm-hm

JK: Jadi kita nak muzik ni cara *simple* [mudah]saja muzik yang macam dia mudah didengar dan mudah difahami la kan

NNA: Mm-hm

JK: Patutnya tak payah berebut--nak menyanyi lagu tapi orang tak boleh paham apa yang kita nak katakan

NNA: Mm-hm

JK: Macam contoh yang saya menyanyi tu ha macam tu ha kira lagu yang boleh kita apa nama ni per tonton kan pada orang (bunyi getaran telefon bimbit) dengan jelas (gangguan bunyi) mudah didengar dan mudah difahami la jadi yang tu la tapi konsep lagu boria ni dia--ada apa lagu apa pergerakan iring masuk--penari tu yang saya kata *sailor*[kelasi] tadi tu masa masok permulaan dan masa nak habis persembahan(gangguan bunyi) nak keluar tu pon depa ada satu muzik yang asing la

NNA: Mm-hm

JK: Di samping yang tukang karang masuk di tengah-- masa lepas muzik masuk tu *then* [seterusnya] terus tukang karang masuk tu tunduk hormat jadi mula dengan muzik lain dan tukang karang akan menyanyi sehingga sepuluh rangkap karangan boria tadi dan tukang karang akan tunduk *bow*[tunduk](gangguan bunyi) dia keluar jadi yang (gangguan bunyi) *sailor*[kelasi] tadi tu depa ada lagi satu muzik asing pulak untuk pergerakan keluaq daripada *stage*[pentas] tu la

NNA: Mm-hm

JK: Jadi muzik dengan(gangguan bunyi) melodi ni dia bergantung kepada kreativiti kumpulan masing-masing lah macam lagu, lagu-lagu yang apa dipilih ni adalah lagu-lagu macam yang (gangguan bunyi)macam berentak asli

NNA: Mm-hm

JK: Tradisional itu semua boleh diguna pakai lah asalkan dia ni bersesuaian dengan apa dengan melodi dan irama lagu boria itu sendirilah jadi macam lagu *content*[isi kandungan] ni kan yang macam sedia ada ni pun boleh diubah suai

NNA: Mm-hm

JK: Mengikut ni la rentak dengan apa irama ni la yang apa irama boria ni la takdak masalah lagu-lagu macam ada yang lagu _____ baru tu yang_____ kumpulan apa tu apa (bunyi getaran telefon bimbit)satu lagu tu yang depa dok buat boria ada banyak la lagu yang sebenarnya boleh buat boria ni

NNA: Mm-hm

JK: Lagu Sharifah Aini[penyanyi Malaysia] la apa semua lagu yang lagu raya semua tu lagu yang pernah saya buat boria lah tapi itulah tukang karang *sailor*--[kelasi] tu penyanyi latar la apa semua tu akan main secara *live* [langsung] la

NNA: Mm-hm

JK: Takdak rakaman siap-siap la kecuali (bunyi getaran telefon bimbit) kalau kata contoh la kalau kita main di RTM[Rancangan Televisyen Malaysia] ni RTM[Rancangan Televisyen Malaysia] kata dia tak boleh dapatkan dia ada *mic*[mikrofon] yang gantung di atas tu

NNA: Mm-hm

JK: kadang dia takleh *catch up* [mengejar] *song* [lagu] dia takleh dapat secara jelas kadang-kadang depa akan bagitau(gangguan bunyi) kata *sailor*[kelasi] ni kita nak rakam takod nanti bila kita siar kat TV[televisyen] ni suara yang *sailor*[kelasi] tak jelas kadang-kadang kita perlu rakam la jadi suara yang tukang karang tu dia memang *live*[langsung]

NNA: Mm-hm okey paham

JK: Sebab pertandingan dia takdak *miming*--[meniru] apa semua takdak la jadi sekarang cuma ada perbezaan sikit sebab zaman-zaman lapan puluh-an [1980] sembilan puluh-an[1990] dulu kita main apa ni lagu-lagu boria ni secara *live*[langsung] lah ada *band* [kumpulan] betoi tak sekarang ni dah berubah lagu semua lagu yang dah disiarkan secara *minus one*[lagu instrumental] dalam komputer kan jadi kita guna *pendrive*[pena pemacu] ja la atau CD[cakera padat] ja la main itu beza dia la saya pernah melalui zaman yang (gangguan bunyi) apa nama ni menyanyi secara *live*[langsung](gangguan bunyi) dengan *band* [kumpulan]la(gangguan bunyi) sekarang semua dah pakai CD[cakera padat] la kecuali la kalau kata penganjur--tu--dia memang letak *backline*[muzik latar]. Maksudnya dia memang letak apa nama ni dram semua *everything*[semua] dan dia kata penganjur menyediakan peralatan muzik jadi kita akan bawak la *musician* [ahli muzik]untuk *backup*[sandaran] la kalau kita rasa kita nak main secara *live* [langsung]la jadi yang itu berkaitan dengan muzik sat na saya minum sikit okey nak saya teruskan dalam bentuk pakaian, kostum dengan apa prop semua tu?

NNA: Sebelum tu Encik Jibran kata ada buat akademi kan?

JK: Ya ya betul

NNA: Akademi apa nama akademi tu ?

JK: Akademi Boria

NNA: Akademi boria itu ja?

JK: Ya itu saja. Akademi Boria

NNA: Bila ditubuhkan akademi Boria ni?

JK: Akademi Boria ni dah empat tahun lebih

NNA: Bila ditubuhkan akademi Boria ni?

JK: Akademi Boria ni dah empat tahun lebih

NNA: Okey--dalam akademi boria ni Encik Jibran. Encik Jibran yang tubuhkan?

JK: Ya saya yang tubuhkan

NNA: Tubuhkan dengan siapa ya?

JK: Sorang saja (serentak)

NNA: (serentak) Kiranya dalam akademi boria ni Encik Jibran latih anak-anak muda untuk memainkan seni tarian boria la?

JK: Ya betul

NNA: Okey--

JK: Sama ada sekolah-sekolah ada jugak kilang yang mintak kan macam *catering*--[katerer] depa nak buat persembahan boria kata la depa punya *dinner* [makan malam] ka apa ka jadi saya bagitau depa kalau nak saya--guna konsep saya la

NNA: Mm-hm

JK: Pasai nanti ajar depa nanti A to [sehingga]Z (serentak) kalau nak secara ringkas saya ajaq secara ringkas la tapi yang penting saya nak semua orang tau apa itu boria saya tak mau nanti balik-balik nih diorang habis takat situ saja

NNA: Mm-hm

JK: Sekali buat boria tahun depan tak buat dah sekuang kurangnya depa boleh ada kumpulan boria sendiri sekiranya diadakan pertandingan boria di peringkat negeri ka sekurang kurangnya diorang dah ada *basic* [asas]depa boleh masok pertandingan tu la

NNA: Buat masa sekarang ada berapa banyak kumpulan dibawah Encik Jibran?

JK: Dia sebenarnya bukan dibawah saya kumpulan tu sebenarnya ya masing-masing ada masing-masing punya kumpulan

NNA: Mm-hm

JK: Cuma saya ni adalah pengurus kepada penggiat-penggiat boria Pulau Pinang[Malaysia]. Jadi dibawah persatuan tu ada sepuluh kumpulan la bukan dibawah saya tapi depa melibatkan dalam apa ni persatuan ni la

NNA: Mm-hm okey

JK: sepuluh kumpulan yang sedia ada lah yang akademi boria ni saya tubuhkan tapi saya akan libatkan penggiat-penggiat boria tadi mengikut bidang-bidang masing la contoh saya tau yang dia ni memang ada kelebihan boleh mengajaq gerak tari walaupun(bunyi getaran telefon bimbit) saya boleh mengajaq tapi saya nak bagi peluang lah pada penggiat boria ni jugak kan jadi saya kalau tau ada orang ni dia boleh ajaq sketsa saya akan bawak dia la saya bagi peluang la kepada penggiat-penggiat boria tak la saya *control* [kawal]semua saya tak mampu buat semua la kan walaupun saya boleh semua tu mungkin kadang bila dia mai serentak takkan saya nak buat semua

NNA: Betul-- Pendapat Encik Jibran sendiri kan penggiat boria ni masih banyak ka masih ramai?

JK: penggiat boria ni tak ramai cuma ada beberapa orang saja lah yang betul-betul yang saya anggap penggiat ni yang boleh dianggap penggiat yang berilmu la

NNA: Mm-hm

JK: Penggiat ni ada dua maksud penggiat bagi saya la (gangguan bunyi) penggiat yang pertama penggiat yang berilmu dan yang kedua penggiat yang lama bergiat dalam bidang boria tapi dia tak boleh nak *deliver* [menyampaikan]la tapi dia mempunyai pengalaman la kalau kita habaq kat dia jom naik atas *stage*[pentas]nak berlakon ha dia takdak masalah(bunyi getaran telefon bimbit) dia tak kekok dia ada idea dia tau nak buat macam mana tapi kalau kita nak suroh dia ni mengajaq kata la satu generasi baru

kata okey macam ni la sketsa boria, dia tak mampu jadi kita ada dua *type of* [jenis] penggiat la jadi sebab saya dah terlibat lama dalam apa ni bidang ni walaupun diorang ni lebih berumur daripada saya jadi saya tau nak menilai la saya bukan nak menjatuhkan diorang tapi saya tau depa tang mana la

NNA: Mm-hm okey boria ni sebenarnya dekat Pulau Pinang[Malaysia] ja atau semua negeri ada?

JK: (gangguan talian) _____ pertandingan pada tahun 1998

NNA: Mm-hm

JK: Masatu MHI[Malaysia Hari Ini] TV3[rancangan televisyen Malaysia] rancangan ‘Panjang Akal’ pada 1998 dia *open* [buka] kepada satu Malaysia

NNA: Ooo okey--

JK: Jadi bila dia *open*[buka]dia tak anggap yang ni satu permainan orang Pulau Pinang[Malaysia] jadi dia nak bagi peluang kepada apa ni satu Malaysia.

NNA: Mm-hm

JK: Jadi apabila diberi peluang kepada satu Malaysia menyertai rupa-rupanya pertandingan ini menjadi minat kepada semua negeri maksudnya seluruh Malaysia turut serta setiap negeri masuk ada yang negeri ni sampai dua tiga kumpulan dia masuk jadi kumpulan Pulau Pinang[Malaysia] masa tu empat kumpulan masuk termasuk dengan kumpulan saya Boria Wawasan tu ada la Sarawak[Malaysia] ada Sabah[Malaysia] ada KL[Kuala Lumpur,Malaysia] ada jadi masing-masing masuk dan peringkat awal sampai ke peringkat akhir disiarkan dalam program TV3[rancangan televisyen Malaysia] MHI[Malaysia Hari Ini] ‘Panjang Akal’ la dia tunjuk la tunjuk sikit-sikit jadi apabila dipilih ke *final* [akhir]terus (bunyi getaran telefon bimbit) ada separuh akhir dia ada separuh akhir.

NNA: Mm-hm

JK: Ada separuh akhir ada empat kumpulan yang terpilih dan separuh akhir tu diadakan di Pulau Pinang[Malaysia] sebab separuh akhir tu tiga kumpulan dari Pulau Pinang[Malaysia] tu berjaya dan satu kumpulan daripada Taiping,Perak[Malaysia] la

NNA: Mm-hm

JK: Jadi apabila diadakan separuh akhir di Pulau Pinang[Malaysia] terpilih dua kumpulan ke pertandingan akhir(gangguan bunyi) pada tahun 1998 tu di mana kumpulan saya Boria Wawasan dan kumpulan Boria Taiping hebatnya Taiping,Perak [Malaysia]boleh dapat masuk ni bukan maksudnya jika permainan ini di orang kata ditonjolkan apa nama ni dihebahkan lagi pada mana-mana negeri dalam Malaysia ni benda boleh dijadikan satu permainan yang hebat sebab dia memang unik macam saya kata tadi tu akhirnya pertandingan tu diadakan pada hujung tahun 1998 dan disiarkan(gangguan bunyi) secara *live*[langsung] la di TV[televisyen] akhirnya kami Boria Wawasan menjuarai lah peringkat kebangsaan masa tu la jadi saya cipta nama dua kali la pada tahun 1988 juara ‘Dendang Rakyat’ peringkat kebangsaan dan 1998 juara MHI[Malaysia Hari Ini] ‘Panjang akal’ TV3[rancangan televisyen Malaysia] peringkat kebangsaan lepas berapa tahun dua puluh tahun kod

NNA: Hmm lama dah

JK: Lepas—sepuluh--tahun-- tapi di peringkat negeri tu kami kerap johan la

NNA: Mm-hm(bunyi getaran telefon bimbit)

JK: Kumpulan saya tu kerap johan la tiga belas kali-- johan dan saya dapat empat belas kali tukang karang terbaik dapat (bunyi getaran telefon bimbit) empat kali cerita terbaik empat kali rangkap karangan terbaik(bunyi getaran telefon bimbit) yang saya kata rangkap karangan boria tu saya dapat empat kali rangkap karangan boria terbaik la yang tu pencapaian kami la

NNA: Mm-hm

JK: Kalau pencapaian saya secara personal dan jugak kumpulan la ada soalan apa-apa lagi?

NNA: Kalau ikod kalau pendapat Encik Jibran sekarang kan negeri-negeri lain masih lagi bergiat aktif tak dalam bidang boria ni atau cuma Pulau Pinang[Malaysia] ja yang masih aktif dalam bidang boria ?(bunyi getaran teelfon bimbit)

JK: Okey dia kalau kata negeri lain dia bukan memang tak aktif la tapi dia akan bila-bila masa boleh tumbuh macam cendawan sekiranya ada penganjuran apa-apa kata contoh kan jadi ada la orang yang nanti *call* [menghubungi]saya mintak pandangan saya mintak tolong saya buat rangkap karangan boria berkaitan dengan tema diorang tu saya

bantu la saya tak pernah(bunyi getaran telefon bimbit) la *demand* [permintaan]kan yang penting saya nak tengok boria tu hidup,jadi saya tak pernah ni la apa orang kata apa menafikan la depa punya ni la tapi memang kumpulan-kumpulan tu wujud macam apa macam ni la macam Chipsmore[jenama biskut] la yang kita boleh kata tadi la

NNA: Okey faham

JK: Macam UITM [Universiti Teknologi MARA] yang saya kata ni diorang ada *no*[tidak] *sorry*[maaf] bukan UITM[Universiti Teknologi MARA] UIA[Universiti Islam Antarabangsa] sepatutnya datang jumpa saya esok tapi PKP[Perintah Kawalan Pergerakan] dia tak dapat hadir diorang ni nak buat persatuan boria dalam apa ni nak apa ni dalam UIA[Universiti Islam Antarabangsa] tu sendiri nak buat persatuan boria jadi nak mintak pandangan saya la jadi *cancel* [batal]la *appointment*[temu janji]jadi yang tu semua satu langkah-langkah yang baik la untuk hidupkan boria di peringkat negeri lah tapi macam saya kata saya tak dengar lagi la ni mana-mana negeri lain lagi la yang *permanent* [kekal]ada boria takdak lagi.

NNA: Setakat ni cuma Pulau Pinang[Malaysia]

JK: Setakat ni Pulau Pinang[Malaysia] la yang setakat ini ada sepuluh kumpulan

NNA: Errmmm okey--Encik Jibran kita *take five* [rehat lima minit]dulu ya

JK: Ha--boleh--

NNA: Mila? Okey kejap ehh

Dengan ini tamatlah sesi temu bual sejarah lisan sesi pertama mengenai bidang seni warisan boria Bersama Encik Jibran Khalil Sindamadar kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini sekian terima kasih.

5.2 Transkrip Sesi Kedua

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam seni dalam bidang seni boria. Bersama-sama kami ialah Encik Jibran Khalil Sindamadar yang merupakan seorang penggiat aktif kesenian boria di Pulau Pinang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 22 Mei 2021 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 6 petang secara atas talian dengan menggunakan platform Google Meet. Temu bual ini dikendalikan oleh Nur Nasyitah Amani Binti Marzuki dan juga Nur Shamila Aniesya Binti Samsudin. Dengan segala hormatnya, temu bual dimulakan.

NNA: Okey.

JK: Okey kita sambung balik tadi kita berenti. Kita bercakap pasai prop ah. Cakap pasai pakaian kostum la ah pakaian kostum apa ni dan *props* [peralatan pentas] boria tulah. Jadi pakaian semasa (diam seketika) persembahan boria tu dia adalah berdasarkan kepada macam kreativiti jugalah dia kreativiti juga. Pakaian badan-badan _ dia tengok kreativiti lah sebab kita selalu ada persembahan terbaik kan pakaian ke kostum terbaik semua kan, jadi benda-benda macam tu semua akan (bunyi getaran nada telefon bimbit) apa ni membuatkan kumpulan tu orang kata apa *still* [masih] nak cari gak kreativiti masing-masing (ambil membuat gaya tangan) sesuai dengan (bunyi gegaran nada telefon bimbit) lagu, jalan cerita dan persembahan lah. Kadang-kadang kalau kata macam lagu-lagu asli ni ia tau dah lah pakaian macam mana yang dia nak ni, tak pakai la ropol-ropol (ambil membuat gaya tangan), pakai tradisional punya la kan.

NNA: Mm-hm.

JK: Jadi--, (gangguan Internet) kumpulan masing-masing mengikut (diam seketika) tema (membuat gaya tangan)

NNA: Mengikut tema.

JK: Haah mengikut-- tema-- lah tapi (diam seketika) selalunya (berfikir) yang tu cakap kreativiti la tapi kadang-kadang bila lagu tu lagu asli ka zapin ka apa ada juga pakaian-pakaian ropol-ropol tapi takpa lah tapi bila ada persembahan terbaik ada pakaian kostum terbaik depa macam tak tersenarai la dalam tu kalau ada kumpulan (membuat gaya tangan) yang boleh pakai bersesuaian dengan apa ni tema tu lah.

NNA: Oh, okey--.

JK: Jadi dibenarkan lah, takdak la kata syarat, “oh sebab hampa main lagu asli (membuat gaya tangan) hampa pakai ropol-ropol macam ni (membuat gaya tangan) *disqualified* [tidak layak]” -mengajuk. (Diam seketika) Dibenarkan lah jadi itu apa ni sebagai apa orang cakap markah tambahan la kepada mana-mana kumpulan yang nak (menggosok mata) orang kata apa (berfikir) yang nak *create* [buat] *if* [sekiranya] nak cari kreativiti tu lah, tapi tu la *materials* [bahan] untuk kostum ni dia bebas lah takdak kata ni la (berfikir seketika) terikat pa kan.

NNA: Mm-hm.

JK: Cuma kalau kata contoh kita nak mencerita pasai (berfikir) kejiranan kata contoh kita boleh pakai lah budaya Malaysia (gangguan Internet) pelbagai kaum punya pakaian. Pakai macam-- ka pakai yang Chinese punya ceos-- apa-- ceongsam ah.

NNA: Mm-hm ceongsam.

JK: Tu semua (gangguan Internet) tu boleh lah (tangan di dahi) dibenarkan lah, jadi yang tu semua pun (berfikir sambil tangan di dahi) orang kata-- *clear* [jelas] dak okey dak?

NNA: Okey--.

JK: Ah tadi (serentak).

NNA: Okey (serentak).

JK: Kita cakap pasal *material* [bahan] (bunyi getaran nada telefon bimbit) pakaian semua okey ka semua.

NNA: Okey.

JK: Jadi yang tu pun berdasarkan kepada apa nama ni apa (berfikir) persembahan lah dalam apa kumpulan tu sendiri lah. Jadi kadang-kadang (serentak)

NSA: Okey-- (serentak)

JK: Macam perhiasan-perhiasan kepala ni orang panggil apa ni *headgear* [hiasan kepala] kan *headgear* [hiasan kepala] untuk juga boleh digunakan lah untuk penari-penari yang pompuan kan. *Headgear* [hiasan kepala] tu (sambil membuat gaya meletakkan perhiasan di kepala) yang tu pun boleh apa digunakan jadi semua tu adalah bersesuaian lah dengan

apa ni persembahan la (bunyi gangguan). Begitu juga apa ni lelaki ni dia boleh juga pakai (berfikir) tarbus, songkok kan atau hiasan lain-lain lah (membuat gaya tangan) yang agak-agak bersesuaian lah dengan apa persembahan boria tu seniqi lah (tangan di dahi).

NNA: Mm-hm

JK: Jadi *sailor* [kelasi] dengan tukang karang ah. *Sailor* [kelasi] lain tukang karang lain (menunjukkan arahan tangan) depa tak boleh pakai baju yang sama (sambil menunjukkan arahan tidak menggunakan tangan).

NNA: Tak boleh pakai yang sama ah.

JK: Tak boleh sama macam mana *sailor* [kelasi] penari pakai tukang karang pun sama, tak pernah lagi lah berlaku macam tu. Macam saya kata tadi tukang karang (membuat gaya tangan) ni dia punya baju dia tu kena mestilah lebih menarik. Jangan yang *sailor* [kelasi] semua yang nampak yang macam sempoi semua taktau mai tang tukang karang ja pakai loi orang kata.

NNA: (tergelak kecil).

JK: Tak boleh eh (membuat gaya tangan), dia kena cari tukang karang tu hendaklah mesti lah orang kata apa lebih menonjol (membuat gaya tangan). Daripada *sailor* [kelasi] tu lah, *sailor* [kelasi] tu pun tak payah lah pakai terlampau ni sangat kena menarik jugaklah.

NNA: Mm-hm (bunyi getaran nada dering telefon bimbit)

JK: Kan yang tu bagi ada keceriaan di dalam apa (berfikir) persembahan boria tu lah. Jadi macam *sailor* [kelasi], tadi dah cakap pasal *sailor* [kelasi] punya baju lah. Macam *sailor* [kelasi] ni, kata lah contoh kita ada penari kelasi tu katalah kita ada dua belas orang taudak, dua belas orang katalah bagi sepuluh orang saja menari (bunyi gangguan) yang lagi dua tu nak bagi pegang payung ka.

NNA: Mm-hm.

JK: Nak pa pegang bendera semua boleh, takdak (bunyi gangguan) masalah. Jadi macam kalau saya kumpulan saya seniqi, saya penari *sailor* [kelasi] tu saya tak bagi depa bawak payung ka bendera. Saya akan bagi yang pelakon boria saya tadi tu yang empat (sambil membuat gerakan tangan) orang depa dah abih peranan depa.

NNA: Mm-hm.

JK: Saya akan bagi peranan tambahan kepada depa semasa persembahan, dorang yang pegang, bendera ka (membuat gaya tangan) payung ka bunga mangga ka pa semua tu lah. Jadi bagi nampak lagi ramai lah bila sepuluh orang menari ada pulak lagi pelakon empat orang pi, dia jadi lagi rama*ī* lah ha.

NNA: Okey ah--.

JK: Tu yang nampak jadi __ bagi nampak ceria lah (bunyi getaran nada dering telefon bimbit dan tangan mengesat muka).

NNA: Mm-hm.

JK: Apa ni persembahan tu. Yang tu yang apa (sambil menggosok muka) ni lah (bunyi getaran telefon bimbit) apa *sailor* [kelasi] punya peranan ah.

NNA: Ah.

JK: Di samping tu juga tukang karang tu bila dia menyanyi tu sambil dia nanti ayunkan tongkat (sambil membuat gaya mengayun tongkat) yang di tangan tu lah.

NNA: Mm-hm.

JK: Kan, kalau apa-apa dia nak tunjuk (sambil membuat gaya tunjuk) pada merujuk pada satu-satu benda dia akan bagitau yang tu (sambil membuat gaya tunjuk) dia tunjuk di atas ka (sambil membuat gaya tunjuk ke atas) di belakang (sambil membuat gaya tunjuk ke belakang).

NNA: Mm-hm.

JK: Jadi macam satu *signal* [isyarat] (sambil membuat gaya) la untuk dia. Kan, tak boleh dia duduk keraih (sambil membuat gaya duduk keras), *straight* [lurus] macam tu tak boleh lah.

NNA: Mm-hm.

JK: Kan, (tangan di muka) jadi dia kena bagi lah *something* [sesuatu] (membuat gaya tangan) apa orang kata, macam tunjuk di sana (membuat gaya tunjuk di sebelah kiri) kan dia tunjuk tongkat di sana di sini (sambil membuat gaya tunjuk).

NNA: Mm-hm.

JK: Ha macam tu lah. Dia guna tongkat lah sama ada ditangan kiri dia ka ataupun di sebelah tangan kanan pun tak kesah lah an yang tu dia macam ikut lah mana tak mengganggu dia punya pergerakan lah (tangan di hidung). Dan tukang karang ni tongkat tu adalah satu perkara yang wajib sebab yang tu adalah identiti ya seorang (bunyi gangguan) tukang karang bergantung jugak, walaupun dia berpakaian baju Melayu (membuat gaya). Ada keris boleh letak (sambil membuat gaya selit di badan) kat tepi ni, dia selit di samping. Tongkat mesti lah wajib dia tak boleh guna yang apa keris dia tu (membuat gaya tangan).

NNA: Mm-hm.

JK: Tongkat tu adalah wajib, pakaian (membuat gaya tangan) yang dia sepatutnya pakai tu ada keris biaq pi lah tu ada, ada keris lah (tangan di dahi). Ah jadi yang tu peranan tukang karang lah, dalam persembahan yang apa *props* [peralatan pentas] sebagai tadi lah. Jadi, (berfikir seketika dan tangan di dahi) macam kumpulan persembahan ni dia tak boleh la pegang macam ala-ala bahaya ni tak boleh lah macam memba-- senapang (membuat gaya senapang) ka apa ni bawak benda-benda pisau yang panjang, bomba ka ha yang tu semua tak dibenarkan lah

NNA: Mm-hm.

JK: *Props* [peralatan pentas] yang dibenarkan macam saya kata tadi payung, bunga mangga, bendera tu semua boleh lah (menganggukkan kepala). Kalau kata gendang (membuat gaya main gendang), panjang pukui ka *action* [perbuatan] ah, tu semua boleh lah dibenarkan lah.

NNA: Untuk *prop-prop* [peralatan-peralatan pentas] ni kiranya memang dah ada disediakan atau bila nak buat persembahan baru beli atau jahit?

JK: Dia selalunya payung (bunyi suara budak kecil), bunga mangga, bendera ni semua dia memang semua kumpulan boleh dikatakan ada lah. Dia memang sedia ada lah, dengan gendang tu an, sebab penganjur tak sediakan lah, penganjur ka kalau dia nak sediakan pun macam saya kata tadi *backline* [instrumen muzik] sajalah.

NNA: Mm-hm

JK: Kan, *drum* [gendang], gitar ka apa macam tu lah. Yang lain *props* [peralatan pentas] jenis *prop* [peralatan pentas] hendaklah disediakan oleh kumpulan masing-masing lah.

NNA: Dalam kumpulan boria ni sendiri ada apa tukang karang, pelakon dengan *sailor* [kelasi], tiga?

JK: Ya la tiga (sambil mengangguk kepala).

NNA: Okey. Kalau pelakon adakah dia akan jadi *sailor* [kelasi] jugak?

JK: Okey dia (bunyi getaran telefon bimbit), dia tengok ah ikut (berfikir) ni lah kepada kumpulan tu kalau kata pelakon dia, dia macam kata dia *short out of* [sic, short of] [tidak mempunyai cukup] apa ni sketsa punya ni, dia akan pinjamkan dulu penari dia pi berlakon, mungkin dua orang tu akan keluar cepat sikit (sambil menganggukkan kepalanya).

NNA: Mm-hm.

JK: Daripada tu untuk pergi salin pakai baju *sailor* [kelasi] lah. Benda tu berlaku, dalam persembahan dibenarkan dalam pertandingan tidak dibenarkan lah (bunyi gangguan).

NNA: Hm. Okey faham.

JK: Hm (mengangguk sedikit kepalanya)

NNA: Tadi bab pasal muzik kiranya muzik memang dah sedia semua tapi *minus one* [rakaman muzik yang instrumen dihilangkan] ja ah?

JK: Sekarang ni (menyentuh hidungnya) boleh dikatakan majoriti kumpulan ah, boleh kata (berfikir dan bunyi getaran nada dering telefon bimbit) boleh kata semua lah, semua kumpulan takdak yang bawak *backline* [instrument muzik] takdak. Semua kumpulan ah, memang gunakan *minus one* [rakaman muzik yang instrumen dihilangkan] ah.

NNA: Lagu tu ada yang mungkin ada *group* [kumpulan] yang buat lagu sendiri atau amik daripada youtube saja?

JK: Masing-masing tu buat lagu sendiri saya pun taktau (bunyi gangguan) di youtube ada.

NNA: Okey-- faham.

JK: Youtube ada ka lagu boria? (sambil memegang telinga).

NNA: Haha (ketawa kecil).

JK: Saya pun taktau, haha (memegang telinga sambil ketawa kecil).

NNA: (ketawa) saya pun tak-- saya pun kurang pasti yang tu.

JK: Kalau ada ___ macam contoh kita tengok lagu (berfikir sambil jari di hidung) boria ni kadang-kadang kalau kita tengok di youtube macam mana kita nak tau yang tu betui-betui (membuat gaya tangan) lagu boria atau tidak?

NNA: Mm-hm.

JK: Sebab macam contoh lagu yang Hail Amir (penyanyi dan pelakon Malaysia) nyanyi tu.

NNA: Penah.

JK: Penah denga^q kan ‘Lagu susun nyanyian Dato Zainal’ [Lirik lagu Boria Pulau Pinang] (sambil menyanyi).

NNA: Mm-hm.

JK: Penah denga^q lagu tu?

NNA: Penah--.

JK: Penah ah, lagu tu bukan lagu boria.

NNA: Oh dia bunyi ja macam boria? (serentak).

JK: Lagu tu rentak boria. (serentak sambil membuat gaya tangan).

NNA: Oh.

JK: Muzik saja, rentak melodi boria tapi bukan boria sebab apa saya kata tadi wajibnya ada suku kata sama dalam rangkap karangan boria. Kalau dia sebut zainal [lirik lagu] kan, belakang dia *the next* [seterusnya] rangkap mestinya terkenal, nal la kan, jadi benda tu tak wujud dalam rangkap karangan boria tu.

NNA: Mm-hm

JK: Jadi yang tu bukan boria, (membuat gaya tangan) yang tu kena paham. Kalau boria untuk suku kata dia mesti sama, itu satu yang penting (membuat gaya tangan) dan kedua, rangkap karangan yang kedua (membuat gaya tangan) mestilah disambut dengan suara *sailor* [kelasi]. Mula tukang menyanyi, katalah tukang karang ni A katakan tu dan penyanyi yang latar belakang tadi *sailor* [kelasi] adalah B. Betui dak?

NNA: Hm.

JK: Jadi setiap apa nama ni sepuluh rangkap yang (membuat gaya tangan) tukang karang nyanyi dia mestilah *start* [mula] dengan A tukang karang lepastu B *sailor* [kelasi] lepastu kena A--, B--, akan jadi sebanyak dua puluh kali. Tukang karang nyanyi sepuluh kali, *sailor* [kelasi] tadi menyanyi sepuluh kali (membuat gaya tangan). Itu baru boria.

NNA: Hm.

JK: Itu baru lagu boria (membuat gaya tangan), dan satu lagi (membuat gaya tangan nombor satu) kalau tidak ada sketsa kan, kalau masuk terus lagu boria itu bukan boria (membuat gaya tangan sambil menggelengkan kepala).

NNA: Kena ada sketsa.

JK: Boria wajib-- ya kena ada sketsa, boria mestilah wajib ada sketsa terlebih dahulu penting (membuat gaya tangan). Kedua (membuat gaya tangan nombor dua) dia ada penari dan (bunyi gangguan) saya kata tadi gerak tari tadi *sailor* [kelasi]. Dan dia kena ada ketiga (membuat gaya tangan nombor tiga) tukang karang dan keempat (membuat gaya tangan nombor empat dan gangguan bunyi) mestilah rangkap karangan boria tadi tu mempunyai suku kata hujung yang sama (membuat gaya tangan).

NNA: Mm-hm

JK: Yang ni memang wajib. Kalau ni empat (membuat gaya tangan) ni kalau takdak dalam boria maksudnya itu bukan boria, kita tolak sama sekali (membuat gaya tangan sambil menggelengkan kepala).

NNA: Mm-hmm.

JK: (bunyi gangguan)

NNA: Okey.

JK: Faham dak?

NNA: Faham--. Dalam (bunyi gangguan) pertandingan akan diberikan tema pada-- hari pertandingan atau macam mana?

JK: Selalunya pertandingan ni kalau kata macam dianjurkan oleh badan-badan (bunyi gangguan) kerajaan.

NNA: Hm.

JK: Tu kan dorang dah akan bagi tema seniqi, dalam jangkau mungkin sebulan sebelum, dorang dah bagitau dah, (membuat gaya tangan) tahun-- ni-- kita-- buat-- tahun melawat Pulau Pinang [Malaysia].

NNA: Hm.

JK: Ataupun tahun melawat Malaysia. Cintai apa-- barang buatan Malaysia, kan contoh la kan, jadi kita kena siapkan persembahan ikut berpandukan pada tema, kadang-kadang ada juga pertandingan yang buat tema bebas. Kalau bebas kumpulan tu dia boleh bawak la isu apa pun yang dia nak bawak.

NNA: Mm-hm.

JK: Dia boleh bawak lah takdak masalah lah, jadi tema tu kalau kata kerajaan negeri selalu dia sediakan tema lah. Tapi terlalu awal terlebih dahulu lah (membuat gaya tangan) maksudnya ada *advance* [kelebihan] lah, berbeza dengan pertandingan yang saya masuk pada tahun 1998.

NNA: Mm-hm.

JK: Nama dia pun M-H-I Panjang Akal-- (gangguan masalah Internet). Jadi dia bagi kat saya tema spontan, pada pertandingan akhir tu dia bagi spontan tema saya kena *prepare* [sedia].

NNA: Oh okey.

JK: Saya kena *prepare* [sedia] saya kena hapai, (menggelengkan kepala) jadi (membuat gaya tangan) itu beza dia lah.

NNA: Mm-hm--. Okey em kiranya tema ni dipilih secara bebas kiranya ikut kesesuaian sesuatu program lah?

JK: Ya (mengangguk kepala sambil berfikir) selalunya macam tu lah.

NNA: Kiranya tema ni pelbagai (serentak).

JK: Terpulang penganjur lah (serentak).

NNA: _ tema (serentak).

JK: Memang macam-macam tema lah tak pernah lah tiap-tiap tahun macam mana orang kata Pesta Pulau Pinang [Malaysia] buat tahun melawat Pulau Pinang [Malaysia], (sambil menggelengkan kepala) dia sama ja ubah lah dia akan ubah. Kadang-kadang dia main tema Hari Kebangsaan (membuat gaya tangan).

NNA: Kiranya takdak limit untuk pemilihan tema?

JK: Ya tidak (menggelengkan kepala) ada limit.

NNA: Okey--. (berfikir seketika) Selalunya dalam boria dalam persembahan termasuk *sailor* [kelasi], pelakon dengan tukang karang sendiri selalunya berapa ramai peserta?

JK: Selalunya macam kumpulan saya ni dia (berfikir seketika) ada dalam lapan belas orang lah.

NNA: Lapan belas orang.

JK: Lapan belas orang tu empat orang pelakon, (diam seketika) lima apani sorang tukang karang, (diam seketika dan berfikir) apa nama ni (berfikir) penari dua belas,

NNA: Mm-hm

JK: Dan juru *makeup* [juru solek] sorang.

NNA: Oh okey. (berfikir seketika) Selalunya dalam persembahan boria ni mungkin *sailor* [kelasi] dengan pelakon tu memang dah ditetapkan macam sebelum memang dah ada dalam kumpulan tu memang okey dia ni ja yang akan berlakon dia ni ja akan jadi *sailor* [kelasi] macam tu ka atau bergilir-gilir?

JK: Okey kalau boleh macam kumpulan saya tu, saya suka nak bagi peluang (bunyi gangguan) la kepada semua, maksudnya semua ada masing-masing nya apa ni apa nama ni ada pengalaman nanti (membuat gaya tangan), penah belakon, penah-- menari an, nak bagi peluang macam tu lah (bunyi gangguan). Tapi memang payah lah (mengangguk kecil) benda tu, jadi bila ada orang dia dah menari tu dia nak menari saja (menggerakkan badan ke belakang).

NNA: Mm-hm.

JK: Kalau dia belakon dia belakon saja dia tak nak dah dia nak (bunyi gangguan) pi menari, jadi sekarang ni (tangan di hidung) saya dah ada yang apa nama ni pelakon tetap, saya dah ada (berfikir seketika) penari tetap (bunyi ketukan) tukang karang tetap dan

tukang karang saya ada sorang lagi saya *standby* [siap sedia] lah (tangan memegang telinga).

NNA: Mm-hm.

JK: Kalau mungkin saya tak sihat ka saya tak boleh dia yang akan menyanyi lah (tangan letak di mulut).

NNA: Selalunya watak-watak ni sebelum dia jadi sebelum masuk dalam kumpulan tu kita tengok bakat dia dulu atau macam mana?

JK: Ya (mengangguk sambil tangan di dagu) memang apa ni bakat tu lah kita akan *try* [cuba] dulu lah (tangan letak di dagu).

NNA: Mm-hm.

JK: Kalau dia tengok apa yang dia boleh, kita akan tanya dia, kadang-kadang dia habaq kata dia boleh menari tapi dia mai dia tak boleh menari (tangan menyentuh mulut), kita dah cuba tak boleh juga jadi kita bagi lah lagi peluang kat dia mungkin dia boleh belakon.

NNA: Mm-hm, selalunya yang-- (serentak).

JK: *Then* [kemudian]-- (serentak).

NNA: Iya apa dia?

JK: Jad-- (tangan di dagu) macam tu lah lebih kurang lah ha.

NNA: Selalunya terlibat dalam boria ni (bunyi gangguan) ada jantina ada pemilihan jantina atau macam mana? Macam perempuan boleh masuk juga ka atau lelaki ja?

JK: Dalam kumpulan saya memang ada lelaki dan perempuan lah (menggerakkan tangan dan letak di mulut), pelakon tak dak (menggelengkan kepala) perempuan, cuma yang penari ada *couple* [pasangan] lah (tangan di dagu).

NNA: Mm-hm.

JK: Ada enam-- lah enam lelaki enam perempuan lah.

NNA: Hm. Okey, (diam seketika) tahun ni ada masih ada lagi ka pertandingan boria?

JK: Tahun ni (tangan di mulut) takdak langsung.

NNA: Oh takdak.

JK: Memang takdak langsung cuma (berfikir) saya buat Boria *Covid* [virus wabak penyakit covid-19] lah yang *online* [dalam talian] punya ni lah.

NNA: Mm-hm.

JK: Saya buat tu, ada saya antaq dak hari tu?

NNA: Ada--.

JK: Yang tu saja lah saya buat dua ni lah (mengangguk kecil sambil menggerakkan badan], dua *volume* [siri] lah.

NNA: Em okey.

JK: Hm persembahan memang dah tak dibenarkan dah.

NNA: Okey selalunya (bunyi gangguan) pertandingan ada dari apa peringkat apa berapa peringkat yang selalunya Encik Jibran masuk?

JK: Berapa peringkat? (gangguan Internet).

NNA: Ha maksudnya ada mula-mula peringkat daerah dulu ah? Atau macam mana?

JK: Dak (menggelengkan kepala sambil menggerakkan tangan ke kepala) kita dah tak buat dah yang macam dulu-dulu lah, dulu-dulu ada macam peringkat daerah apa kan. Sebab--mungkin dulu ada kumpulan boria, dulu banyak kumpulan boria (menggerakkan tangan), kalau kita kata satu daerah ni dulu macam lapan, sepuluh, sekarang satu Pulau Pinang [Malaysia] baru ada sepuluh (membuat gaya tangan).

NNA: Oh tak banyak.

JK: Ha dah tak banyak lah (mengangguk kecil), bukan pupus tapi dah kurang lah (membuat gaya tangan).

NNA: Kurang. Encik Jib--.

JK: Sekarang kita buat terus negeri lah pertandingan, kita *open* [buka] kepada negeri lah.

NNA: Selalunya siapa yang akan anjurkan pertandingan macam ni?

JK: Selalunya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Pulau Pinang [Malaysia] dan jugak kerajaan Negeri Pulau Pinang [Malaysia] lah (mengangguk kecil).

NNA: Okey.

JK: Yang selalu anjur lah, macam (berfikir) pernah juga Kementerian Penerangan anjur dan Dewan Bahasa dan Pustaka pun pernah anjur, (berfikir) Persatuan Penulis Pulau Pinang [Malaysia] (sambil mengangguk kecil) pun pernah anjur dan persatuan saya (mengangguk kecil) seniqi pun pernah anjur, Persatuan Kebudayaan Kesenian Wawasan pun pernah anjur, kan kita tengok lah kalau macam kata saya mohon (mengerakkan tangan dan bunyi getaran nada telefon bimbit) *budget* [belanjawan], *approved* [diterima] saya anjur ha lah macam tu lah. Hm (mengangguk kecil).

NNA: Selalunya dalam satu persembahan boria tu berapa lama? Berapa minit dia kita akan buat?

JK: *Normaly* [biasanya], kalau dulu-dulu (membuat gaya muka dan mengangkat kening) lah kan kalau apa enam puluh-an [1960] tujuh puluh-an [1970] ni semua, setiap-setiap satu kumpulan _ hampir satu jam, (bunyi gangguan) satu persembahan, tapi sekarang ni kita dah kurangkan jadi (mengerakkan kepala dan jari) maksimum apa tiga puluh, minimum lima belas minit.

NNA: Hm faham okey.

JK: Ya (mengangguk kecil)

NNA: Dalam persembahan boria tu ada macam *segment-segment* [bahagian-bahagian] dia ka, macam okey mula-mula tadi akan masuk pelakon dulu ah?

JK: Ya betul (mengangguk kecil), dia ikut *segment* [bahagian] mula memang pelakon masuk dulu, kan selepas saja pelakon akan masuk kumpulan gerak tari. Kan penari *sailor* [kelasi] tadi tu dan disusuli tukang karang akan masuk dan lepas tu dorang keluar lah. Habis persembahan saya keluar dulu dan dorang keluar lah (mengerakkan jarinya).

NNA: Mm-hm okey kay. Selain pada jadi tukang karang Encik Boria [sic, Encik Jibran] per- Encik Jibran pernah jadi *sailor* [kelasi] tak?

JK: Ya (mengangguk kecil) saya pernah menari.

NNA: Pernah menari juga.

JK: Semua (mengangguk kecil) pernah, belakon pernah, apa nama ni menari pun pernah, tukang karang toksah (bunyi gangguan) kata la kan memang tu bidang saya dah (diam seketika) semua pernah.

NNA: Hm kalau (serentak)

JK: sebab (serentak) tu saya ada pengalaman boleh mengajaq gerak tari.

NNA: Mm-hm dekat Pulau Pinang [Malaysia] ada Persatuan Boria tak?

JK: Persatuan Boria?

NNA: Haah. Maksudnya ada berapa banyak.

NSA: Maaf (mencelah dan bunyi gangguan).

NNA: Ha Mila?

JK: Semua ada sepuluh kumpulan, boleh kata ada sembilan kumpulan tu daftar dengan
__ (serentak)

NSA: Maaf takpa-- (serentak)

NNA: Apa dia Mila--?

NSA: Takpa— teruskan--

NNA: Okey--

NSA: Ya--

NNA: Tadi nak tanya apa? (bunyi getaran nada telefon bimbit).

NSA: Teruskan--

NNA: Okey--.

JK: Okey berkaitan dengan Persatuan Boria tu, boleh katakan sembilan Persatuan Boria.

NSA: Mm tak (mencelah)

JK: Ada di Pulau Pinang [Malaysia] tu memang berdaftar,

NNA: Mm-hm

JK: Dan mereka berada di dalam satu lagi Persatuan Penggiat-Penggiat Boria (menggerakkan tangan) yang apa dipengerusikan oleh saya lah.

NNA: Mm-hm okey. Selalunya dalam persembahan boria sendiri berapa kos yang diperlukan untuk buat satu persembahan?

JK: Dia *actually* [sebenarnya] kos dia kos muzik lah yang paling mahai (mengangguk kecil).

NNA: Mm-hm.

JK: Sebab dia (bunyi gangguan) satu muzik *minus one* [rakaman muzik yang instrumen dihilangkan] tu dia berharga tiga ratus [ringgit Malaysia] sehingga lima ratus ringgit [mata wang Malaysia].

NNA: Mahai.

JK: Muzik sajalah kan (menggerakkan badan dan kepala).

NNA: Muzik tu (cakap serantak).

JK: Jadi kostum (serentak).

NNA: Selalunya buat kat mana muzik tu?

JK: Muzik ni kita ada lah ada (berfikir) studio lah.

NNA: Studio.

JK: Ada studio *recording* [rakaman], tapi main yang boleh buat lah.

NNA: Mm-hm.

JK: Orang yang memang dia ada pengalaman (bunyi nada getaran telefon bimbit) buat muzik boria lah.

NNA: Okey.

JK: Kita ada dua orang di Pulau Pinang [Malaysia].

NNA: Hm. Selalu kan kostum boria yang tadi kata ada *prop* [peralatan pentas] pa semua tu memang beli ataupun (bunyi gangguan) sewa?

JK: Okey ada juga kumpulan-kumpulan yang sewa lah, mungkin depa tak mampu nak buat sebab kos dia terlalu tinggi kan.

NNA: Mm-hm.

JK: Nak menyediakan apa ni (berfikir seketika) kostum untuk satu-satu pasukan ni oh (bercakap sambil tersenyum kecil) memang mahal lah. Dalam lima hingga lapan ribu ringgit [mata wang Malaysia] lah (menggerakkan kepala sedikit).

NNA: Banyak.

JK: Nak buat kan pasai apa ni baju tu tau lah ropol-ropol (menggoyangkan kepala) dia tu dia punya ni (membuat gaya tangan) terlampau banyak kan, jadi nak buat sampai dua belas nak buat tukang karang lagi (bunyi gangguan), dia memang ambik _ lima hingga lapan ribu [ringgit Malaysia] lah (mengangkat kening) ada yang buat sampai lapan ribu [ringgit Malaysia] pun ada (menggerakkan kepala).

NNA: Mm-hm banyak.

JK: Pastu dia __ sampai tujuh lapan ratus ringgit [mata wang Malaysia].

NNA: Mm-hm.

JK: Apa ni baju boria tu lah dan termasuk dengan *prop* [peralatan pentas] apa semua kan (menggerakkan badan), jadi ada setengah yang kumpulan tak mampu kumpulan yang mungkin kumpulan yang baru, tak pernah lagi la orang kata apa jadi johan ka yang boleh duit kat depa lah katakan nak *save* [menyimpan] (menggerakkan tangan) lah simpan nak buat baju ataupun dapat *sponsor* [penaja] daripada orang-orang tertentu lah.

NNA: Mm-hm.

JK: Jadi memang depa terpaksa sewa (menganggukkan kepala) lah kalau kumpulan lain. Macam saya ni memang dah ada lah sedia ada dah lah.

NNA: Mm-hm selalunya (serentak).

JK: *Props* [peralatan pentas] seniqi (serentak).

NNA: Ada sponsor [penaja] atau macam mana?

JK: (Berfikir seketika) Terpulang lah kepada kumpulan masing-masing lah kalau ada mungkin (menggerakkan kepala) sapa-sapa yang diorang rasa depa boleh mintak.

NNA: Hm.

JK: Ada juga kumpulan (bunyi gangguan) yang *sponsor* [penaja], bagi orang-orang yang tertentu lah kan.

NNA: Mm-hm, tadi mengenai yang muzik yang kan kita rekod muzik ada *element* [unsur]?

JK: Ya (serentak)

NNA: *Element [unsur] (serentak) ka yang perlu diterapkan dalam muzik tu?*

JK: Kita tengoklah ikut kesesuaian dengan tema lah kalau kita nak main cerita yang berkaitan dengan kata (berfikir) cerita macam *style-style* [gaya-gaya] Arab juga kata contoh kita boleh buat lagu-lagu Arab dan kita buat kostum pun pakaian macam lebih kurang macam Arab, tu semua boleh lah kan, kita tengok tema dulu lah.

NNA: *Macam muzik alat-alat muzik ka ada-- (berfikir seketika) jenis-jenis tak alat muzik yang akan meng- yang akan-- guna (bunyi gangguan) dalam tu dalam muzik tu sendiri? (bunyi gangguan)*

JK: Sekarang ni selepas dah di *commercialized* [mengkomersialkan] kan eh, kita dah tak main dah secara *live* [secara langsung] dulu kan di mana gendang kan gendang, __ kan tabla, gambus dan macam-macam lah yang apa (berfikir seketika) tradisional dulu dah tak guna pakai bila kita dah guna *minus one* [rakaman muzik yang instrumen dihilangkan] tu (bunyi nada dering getaran telefon bimbit) muzik dah jadi *commercialized* [mengkomersialkan] lah, kan (bunyi gangguan).

NNA: Mila?

JK: _____ (bunyi suara gangguan)

NNA: Ha ah.

JK: Mm-hm.

NNA: Mila?

NSA: Ya-- ya-- dengar tak?

NNA: Mila tutup-- *mic* [mikrofon].

NSA: Jap-- (bunyi gangguan).

NNA: Okey, Encik Jibran--.

JK: Macam dulu kita nak kan kita buat pakai macam *violin* [biola], marwas, tabla, harmonika, gambus, tu semua tu dulu macam (menunduk sambil tangan di muka) simbal, akordion, gendang panjang, gendang pendek tu semua (mengangguk kecil).

NNA: Kiranya (serentak).

JK: Yang tu semua dulu (serentak dan menggerakkan tangan).

NNA: Dulu semua buat *live* [secara langsung] kiranya *live* [secara langsung]?

JK: Dulu (serentak).

NNA: Semua buat-- (serentak).

JK: Ya (mengangguk).

NNA: Takdak yang __ (serentak).

JK: Ya dulu *live* [secara langsung] (serentak dan menganggukkan kepala) yang tu alat-alat gendang-gendang (menggerakkan jari dan bunyi getaran nada telefon bimbit) tu semua satu *trademark* [tanda] lah dulu, akordion, violin, marwas, tabla jadi bila kita dah buat sekarang (menggerakkan tangan) dalam bentuk *minus one* [rakaman muzik yang instrumen dihilangkan] dan di *commercialized* [mengkomersialkan] (menggerakkan tangan dan mengangguk kecil) kan lah daripada segi, bukan saja daripada segi persembahan muzik pun dah di ni lah (menggerakkan tangan).

NSA: Mm-hm.

JK: Jadi dalam bentuk yang baru lah.

NNA: Mm-hm. Kan untuk *sailor* [kelasi] kan tarian diorang (berfikir seketika).

JK: Ya-- (mengangguk kecil).

NNA: Selalunya siapa yang akan (diam seketika) cipta tarian apa gerak tari *sailor* [kelasi]?

JK: Macam setiap kumpulan (menggerakkan badan) tu dia ada *choreographer* [pereka tari] dia sendiri lah

NNA: *choreographer* [pereka tari].

JK: Dalam kumpulan saya ni saya seniqi (menggerakkan tangan) yang kena jadi *choreographer* [pereka tari], tapi untuk kumpulan lain masing-masing ada lah (mengangguk kecil dan memegang telinga) *choreographer* [pereka tari].

NNA: Dia ada (serentak).

JK: __ (serentak)

NNA: Jenis-jenis *step* [langkah] untuk menari ka macam mana?

JK: Tu la dia macam saya kata tadi lah dia bukannya tarian (bunyi gangguan) dia cuma gerak tari (meletakkan tangan di pipi).

NNA: Gerak tari.

JK: Yang ikut tempo tadi mengikut tempo dan gerak tari lah kan (meletakkan tangan di pipi dan bunyi getaran telefon bimbit) _ pasai dalam ni mungkin takleh nak tunjuk balik (bunyi nada dering getaran telefon bimbit), kan kalau kata *you* [kamu] mai *live* [secara langsung] tu boleh lah saya nak.

NNA: (ketawa kecil).

JK: Apa ka boleh tunjuk lah kat *you* [kamu] kan (meletakkan tangan di pipi).

NNA: Mm-hm.

JK: Contoh macam mana (meletakkan tangan di pipi dan menggerakkan jari) gerak-gerak tari yang sering lah sering digunakan dalam persembahan boria seolah-olah yang tu macam satu *step* [langkah] yang wajib (meletakkan tangan di pipi).

NNA: Dia ada nama tak jenis gerak tari tu?

JK: Yang tu silang lah orang panggil *step* [langkah] silang (meletakkan tangan di pipi).

NNA: Mm-hm.

JK: *Step* [langkah] silang ni boleh kita kata hampir semua kumpulan boria akan macam dia *trademark* [tanda] dah untuk apa ni boria lah untuk kumpulan boria tu (meletakkan tangan di pipi).

NNA: Mm okey (bunyi gangguan). Encik-- Encik Jibran dah masuk banyak ka Persatuan Boria atau macam mana?

JK: Persatuan Boria dak saya ada seniqi (mengangguk kecil) saya punya Persatuan seniqi.

NNA: Kalau macam dulu ada-- masuk macam dalam *group* [kumpulan] mana-mana?

JK: Saya cuma melibatkan diri, tak masuk persatuan, cuma saya melibatkan diri dalam apa ni banyak kumpulan lah kadang-kadang kumpulan ni dia mintak saya bantu (bergerak sedikit) lah daripada segi tukang karang dia nak buat persembahan, jadi dia

takdak tukang karang dia minta saya bantu, saya *join* [sertai] kumpulan tu lah bantu (bunyi gangguan) kumpulan tu ada lah.

NNA: Mm-hm okey-- faham (berserentak).

JK: Bukan *join* [sertai] (serentak) persatuan lah. (bunyi getaran telefon bimbit)

NNA: Mila--, ada nak (bunyi gangguan) tambah apa-apa ka?

NSA: Jap. Saya tak pasti soalan ni dah tanya ke belum, ada tak cabaran yang atau halangan yang Encik Jibran halangi [sic, hadapi] semasa persembahan boria ni atau dalam bidang kesenian boria ni?

JK: Okey cabaran-- tu takdak lah kan, apa yang ada cara dalam apa ni cuma banyak yang menjadi-- penghalang kepada kita ni apabila saya cuba nak angkat (membuat gaya tangan) boria ni ke Persada Antarabangsa lah (bunyi gangguan suara), yang tu mac-- yang tu yang banyak menghalang lah. Apabila kita cuba nak angkat ada saja lah halangan (menggerakkan tangan) tu tak boleh, lebih tak boleh, tu boria ni kita kena perbetui tang ni (menggerakkan kepala dan tangan), nak kena perbetui tang tu sedangkan (menggerakkan badan) macam saya kata tadi dia dah *completely* [sepenuhnya] dah unik dah kalau kita nak banding kan dengan kesenian lain yang ada dalam Malaysia ni, itu yang menjadi halangan (bunyi getaran telefon bimbit) kepada saya lah. Tapi Insya Allah [dengan izin Allah SWT] (mengangguk kecil) kita tak pernah putus asa kita sedang lagi berusaha untuk nak angkat (bunyi suara gangguan) boria ni ke Persada Antarabangsa supaya dia menjadi (bunyi suara kanak-kanak) warisan dunia.

NNA: Mm-hm.

NSA: Insya Allah [dengan izin Allah SWT].

NNA: Okey. Encik Jibran sendiri ada dak pengalaman pahit dengan manis sepanjang menceburi bidang boria ni?

JK: Saya kalau cakap pasal pahit bila kita masuk bertanding kalah (menoleh ke tepi) tu rasa pahit lah (ambil tersenyum kecil).

NNA: _ (ketawa kecil).

NSA: (ketawa kecil).

JK: Kalau menang tu ma- manis lah (tersenyum) kan macam tu ah, kalau kata (berfikir) daripada segi cabaran dalam kumpulan boria tu sendiri bukan senang nak jadi apa (menyentuh hidung) pemimpin kumpulan boria lah (mengangguk kecil), pasai dia akan hadapi banyak masalah lah nanti kadang dia nak buat cukup *sailor* [kelasi] tak cukup (menggerakkan badan), mai pelakon tak cukup jadi benda-benda tu sajalah yang cabaran dalam apa Persatuan Boria tu seniqi lah. Bukan cabaran dalam boria (menggerakkan kepala) yang kita nak menghadapi kumpulan tu tidak (bunyi gangguan) apabila menjadi pemimpin (mengangguk kecil) kumpulan itulah (mengangguk kecil) cabaran dia (membetulkan cermin mata). Akan menghadapi dengan budak-budak yang ada masalah ni lah, ada kita *training* [latihan] malam buat kadang tak mai kadang-kadang mai *show* [persesembahan] (menggerakkan kepala) tu teruih nak mai buat persembahan saja. Cabaran tu yang saya dok menghadapi lah (menggerakkan tangan). Dalam kumpulan seniqi bukannya cabaran yang di luar takdak (menggerakkan tangan sambil menggelengkan kepala) tapi yang kalau kata halangan-- yang saya nak angkat boria ni sebagai warisan dunia yang ni dok jadi (mengangguk kepala) halangan dah tiga tahun nah (memegang hidung).

NNA: Mm-hm.

JK: Tapi kita akan tak putus asa kita akan cuba lagi lah Insya Allah [dengan izin Allah SWT] tahun ni (bunyi gangguan) kita akan *push* [mendesak] (menyentuh hidung) melalui kerajaan negeri lah (bunyi gangguan).

NNA: Hm ada tak macam satu pertandingan yang Encik Jibran rasa paling ingat paling *special* [istimewa] pernah rasa?

JK: Jadi dua lah satu apabila saya menjadi juara dalam apa pertandingan Dendang Rakyat [pertandingan Boria], satu apa ni pertandingan yang paling (menggerakkan kepala dan tangan) berprestij masa tu. Sebab apa sebelum tu kumpulan-kumpulan yang menjadi juara adalah jarang dengaq kumpulan lain juara lah Sungai Pinang [kumpulan boria Pulau Pinang] ____.

NNA: Mm-hm.

JK: Tau dak Boria Sungai Pinang [Pulau Pinang, Malaysia] , boria _ selalu depa ni yang mengundur lah menjuarai apa nama ni Pertandingan Dendang Rakyat (bunyi gangguan) pada tahun 1988 apabila kumpulan saya masuk kami menumpaskan (menggerakkan

tangan) buat pertama kalinya juara-juara ni (menggerakkan kepala dan tangan). Jadi yang tu adalah (menggerakkan tangan) salah satu (bunyi sesuatu) pengalaman yang sangat-sangat ni lah untuk ni ya, apabila satu apa dia piala prestij yang kami gondol lah pada tahun 1988 dan begitu juga seterusnya pada tahun 1998 (bunyi gangguan) (menggerakkan tangan dan menggaru kepala) kami memenangi pertandingan di MHI Panjang Akal [pertandingan boria dari rancangan Malaysia Hari Ini] (menyentuh belakang kepala). Yang tu boleh kata cabaran lebih besaq kalau satu Malaysia masuk bayangkan (menyentuh belakang kepala dan membuat gaya tangan) kalau satu Malaysia masuk pertandingan boria taktau Penang [Pulau Pinang, Malaysia] satu pun tak dapat (menggeleng kepala dan membuat gaya tangan) wakil ke pertandingan akhir mana nak letak muka (membuat gaya tangan) Penang [Pulau Pinang, Malaysia] tu.

NNA: Mm-hm.

JK: Kan jadi--.

NNA: Masa tu ada banyak kumpulan lah?

JK: Setiap negeri masuk (mengangguk).

NNA: Setiap negeri masuk.

JK: Setiap negeri boleh katakan masuk cuma Pulau Pinang [Malaysia] kumpulan lah, Pulau Pinang [Malaysia] masuk em- empat kumpulan termasuk kumpulan saya akhirnya ke *final* [akhir] (menggerakkan jari) kumpulan saya yang terpilih dengan apa kumpulan Penjara Taiping [Perak]. Bukan banduan yang menyanyi bukan banduan menari, semua pa pegawai-pegawai diorang lah.

NNA: (ketawa kecil).

JK: Haa (sambil mengangguk).

NNA: (ketawa kecil) Okey Encik boria [sic, Encik Jibran] Encik Jibran rasa (bercakap sambil ketawa kecil)

JK: Ya.

NNA: Apa sumbangan Encik Jibran dalam seni boria ni, maksudnya kan tadi Encik Jibran kata tengah *push* [usaha] untuk apa bagi dikenali di dunia boria ni kan?

JK: Ya.

NNA: So [jadi], apa sumbangan apa yang Encik Jibran buat?

JK: Jadi selama penglibatan boria dalam (menggerakkan badan dan menyentuh baju) apa ni hidup saya lah daripada tahun lapan puluh satu [1981] saya bergiat aktif (menyentuh baju) dan selama beberapa tahun dah ni (memandang ke atas dan ke tepi) tiga puluh lebih tahun dah tiga puluh lebih tahun lah (tangan di mulut dan bunyi gangguan) kan jadi saya bergiat aktif saya rasa dalam (tangan di dagu) bidang ni saya dah banyak menyumbang suara (menyentuh hidung) dan juga menyumbang rangkap-rangkap karangan boria dan juga telah (berfikir dan memandang ke bawah) menyumbang apa nama ni tenaga bakti saya kepada (menggerakkan badan) sekolah-sekolah, kolej-kolej universiti an saya dan banyak lah kilang-kilang (menggerakkan badan ke kiri ke kanan) lah apa semua yang mintak *setup* [sediakan] _ lah letak satu harga ka apa ka hampa kena bayaq tak pernah (ambil menggeleng kepala) diorang panggil saya pi dulu saya pi mengajaq diorang bayar dia saya ambik tak bayaq saya tak mintak.

NNA: Mm-hm.

JK: Jadi saya rasa itu adalah sumbangan saya lah (mengangguk kecil). Saya tak pernah letakkan (membuat gaya tidak) apa ni harga atau *demand* [permintaan] kan sama ada di sekolah, OKU [orang kurang upaya] pun saya pernah pi mengajar boria USM [Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang] dan yang-- paling-- dia diberi penghargaan kepada saya apabila (berfikir) dalam apa ni __ punya apa nama ni perjumpaan yang diadakan dalam USM Pulau Pinang [Universiti Sains Malaysia] pada dua tahun lepas tu semua negara-negara ASEAN [Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara] (membuat gaya tangan) turun mai ke Penang [Pulau Pinang] USM [Universiti Sains Malaysia] saya diberi (mengangguk kecil dan menggerakkan tangan) tanggungjawab lah sorang diri saya (bunyi getaran telefon bimbit) untuk mengajar semua berkaitan boria sehinggalah diorang dapat buat persembahan (menggerakkan kepala).

NNA: Mm-hm.

JK: Semua negara tu lah tapi semua tu remaja lah. Yang tu satu penghargaan yang paling besaq lah, yang diberikan kepada saya untuk saya menyumbang bakti saya kepada tu lah, (menggerakkan kepala) itu lah sumbangan-sumbangan saya dalam apa ni boria lah yang bab seni suara (menyentuh hidung), saya seni lakon (bunyi gangguan) tu yang tu lain lah. Saya juga apa nama ni ada belakon banyak juga drama-drama dan juga ada

berlakon apa (berfikir seketika) filem satu, di mana drama saya (menyentuh bajunya) yang pernah saya jadi pelakon utama adalah drama ‘Darah Daging’ [filem Malaysia] nah. Yang mana saya belakon dengan apa Bront Palarae [sic, Nasrul Suhaimin bin Saifuddin, pelakon, penulis lakon layar, pengarah filem dan pengacara Malaysia], Fauziah Gous [sic, Nor Fouziah binti Mohd Gous, pelakon dan pengacara Malaysia], Bront Palarae [sic, Nasrul Suhaimin bin Saifuddin, pelakon, penulis lakon layar, pengarah filem dan pengacara Malaysia] Fauziah Gous [sic, Nor Fouziah binti Mohd Gous, pelakon dan pengacara Malaysia] jadi anak saya lah dalam drama tu (menyentuh kolar baju). Jadi Husin [watak dalam lakonan filem Darah Daging] dan diarahkan oleh Nam Ron [sic, Shahili bin Adnan, pengarah, penulis skrip dan pelakon Malaysia] nah.

NNA: Mm-hm.

JK: Yang tu pun satu ni lah dulu belakon sikit-sikit ambik *extra-extra* [tambahan] (menggerakkan kepala), kan tiba-tiba dia mai dia bagi gedebuk macam tu dia kata hang boleh jadi pelakon utama.

NNA: (ketawa kecil).

NSA: (ketawa kecil).

NNA: Mm okey.

JK: Jadi (bunyi gangguan) saya terima cabaran tu, akhirnya pa drama tu apa (berfikir) dapat *rating* [penilaian] yang agak baguih gak la (bunyi gangguan). Jadi bila _ suara saya memang saya dok menyanyi daripada kecik lah. Tapi sekarang ni saya ada apa ni menyanyi lagu-lagu (bunyi gangguan) yang irama (mengangguk kecil) *Bollywood* [industri filem Hindi] saja lah. Kan kalau lagu melayu tu (menggerakkan kepala) lagu yang ada irama *Bollywood* [industri filem Hindi] tapi banyak saya dok menyanyi lagu dalam _ lagu-lagu *Bollywood* [industri filem Hindi] lah. Jadi itulah sumbangan saya dalam bidang seni dalam kebudayaan apa Negeri Pulau Pinang [Malaysia] khasnya Malaysia am nya lah.

NNA: Pendapat Encik Jibran sendiri kerajaan sambut baik tak (berfikir seketika dan bunyi gangguan) apa— yang Encik Jibran buat ni untuk naikkan apa seni boria ni?

JK: Ya saya (serentak).

NNA: Aa-- (serentak).

JK: Saya rasa kerajaan menyokong saya sebab (berfikir) kerajaan juga banyak memberi penghargaan kepada saya (menggerakkan badan), di mana dikurniakan beberapa pingat ah saya dapat berapa pingat ah (berfikir sambil mendongak ke atas) empat-- pingat--(bunyi gangguan) dapat PKM [pingat] dengan Jasa Masyarakat, (mendongak ke atas) Pingat Jasa Kebaktian Pingat Kelakuan Terpuji, dan _ Johan Negeri lah. Empat-empat tu saya dapat daripada (mengangguk kecil) kerajaan Negeri Pulau Pinang [Malaysia] hasil daripada sumbangan saya lah dalam (berfikir) dunia (bunyi gangguan) seni dan budaya ni. (Diam seketika) seolah-olah dipanggil iktiraf saya lah.

NNA: Mm-hm. Selain pada Encik Jibran sendiri ada lagi tak tokoh-tokoh lain yang memang buat macam Encik Jibran (bunyi getaran telefon bimbit) nak *push* [desak] boria ni bagi orang kenal?

JK: Oh, memang ada lah (mengangguk) say- saya takat saya sorang tak mampu saya nak buat (bercakap sambil tersenyum).

NNA: (ketawa kecil).

JK: Kan saya pun kena ada orang kuat di belakang (bunyi gangguan) saya lah. Macam sorang lagi tokoh boria macam Tuan Syed Aqil [penggiat aktif boria dan penerima Anugerah Tokoh Boria] ni dia selalu dia apa di belakang saya lah __ beberapa (menggerakkan kepala) penggiat-penggiat boria yang lain lah. Memang depa di belakang saya lah, kalau saya sorang saya tak (mengangkat kening) mampu buat (bunyi gangguan) kami kena bersatu dulu (menggerakkan jari) untuk nak angkat benda ni kan.

NNA: Dah berapa lama apa Encik Jibran cuba usaha untuk naikkan nama boria ni?

JK: Kita kena perbetuikan (menyentuh muka) apa yang tak betui (sambil membuat gaya tangan) dulu dalam boria tu, ya dak (memegang cermin mata) kita perbetuikan yang tu dulu. *Once* [apabila sudah] kita dah perbetuikan yang tu jadi kita buat satu persembahan (mengangguk)-- alamat dia punya sekejap ada *ten* [sepuluh] pas *ten percent* [sepuluh peratus] dia *power* [kuasa] ni bawak ni sat mai (menunjuk sesuatu) boleh dak sambung (bunyi gangguan) *powerbank* [alat peranti pengecas] ada *powerbank* [alat peranti pengecas] ka ah meh-- (bercakap dengan seseorang sambil memegang sesuatu). Okey kita dah buat apa ni satu apa nama ni kajian, secara (menggerakkan badan ke depan) menyeluruh tang mana yang kita rasa nak kena perbetui (menggerakkan tangan) boria

tu seniqi sebab kita nak pastikan bahawa kata boria yang kita nak angkat ni mestilah boria yang berkualiti (mengangguk) lah.

NNA: Mm-hm.

JK: Berkualiti kita (berhenti seketika akibat gangguan Internet) tak nampak ada cacat cela dia lah kan dia macam mana kita tengok (mengangguk) apa nama ni dikir barat diangkat kita bukan iri hati (mengerakkan tangan) dikir barat tu (bunyi gangguan), kalau kita nak *compare* [bandingkan] apa ni boria kita dengan dikir barat kita lebih unik (mengerakkan tangan) lah. Kita tak kata kita lebih baik (mengangguk) kita cakap (memegang hidung dan bunyi gangguan) kita lebih unik daripada apa dikir barat tu ni lah (bunyi gangguan), jadi sebab tu yang apa nama ni saya (bunyi gangguan) ter-- apa nama ni (berfikir) macam terpanggil lah terpanggil untuk-- kejap ah, saya nak ni sat (membuat sesuatu) saya untuk mengangkat boria ni ke Persada Antarabangsa lah (mengerakkan badan).

NNA: Mm-hm.

JK: Okey di mana apa yang kita dapat tau _ Pulau Pinang [Malaysia] dengan Melaka [Malaysia] adalah satu bandar (bunyi gangguan) tapak warisan dunia. (Mengerakkan kepala) Jadi kenapa dia nak pertengahkan apa nama ni budaya ah yang sekian lama ah yang berada di Pulau Pinang [Malaysia] ini sedangkan dia mempunyai keunikan tersendiri (membuat gaya tangan) supaya dia juga berada di Persada (bunyi seseorang batuk) Antarabangsa. Jadi kami telah membuat satu persembahan ah pada (menoleh ke tepi) satu Januari dua ribu lapan belas [1 Januari 2018] (bergerak ke depan) di mana kita panggil ada yang pihak-pihak yang bertanggungjawab daripada Georgetown [Pulau Pinang] peristiwa tapak warisan dunia tu. mereka (mengerakkan jari) hadir dalam apa nama ni program tu dan saya (mengerakkan jari) seniqi membuat persembahan boria di situ, benda (bunyi getaran telefon bimbit) tu direkodkan (bunyi gangguan) dan apa ni (bunyi getaran nada dering telefon bimbit) apa saja teguran tu kita ambil kita (bunyi seseorang batuk) perbetui dan pada tahun berikutnya kita telah buat satu *memorandum* [dokumen perjanjian antara dua pihak] kepada (bunyi getaran nada dering telefon bimbit) kerajaan negeri bahawa kita habaq kejayaan _ persembahan boria kami tadi Pulau Pinang [Malaysia], sepatutnya (mengerakkan kepala dan jari) boria ni kena berada di mana dan benda tu kita dah telah *submit* [serahkan] kepada Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan [Pulau Pinang]

(mengangguk kecil) masa tu YB Muhammad Bakhtiar [bekas Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan] lah.

NNA: Mm-hm.

JK: Cuba nak *push* [desak] masa tu (bunyi gangguan dan berfikir seketika) tiba-tiba ada Persatuan Cina yang lain terlebih dahulu bagi Pulau Pinang [Malaysia] (bunyi gangguan) telah *submit* [serahkan] untuk apa nama ni naga untuk permainan naga tu kan jadi terbantut lah sikit yang apa ni boria ni jadi (bergerak sedikit dan bunyi getaran telefon bimbit) pada tahun 2020 bila kita nak masuk balik jadi isu ni pulak *covid* [virus wabak penyakit covid-19] bila mai dah tahun dua puluh satu [2021] tapi saya masih (menggerakkan badan) lagi (bunyi suara batuk) apa berhubung dengan apa nama ni (bunyi suara batuk) pihak yang bertanggungjawab, saya tak putus asa saya rasa saya nak teruskan juga (menoleh ke tepi) *apply* [permohonan] saya ni (bunyi gangguan) supaya boria tu dia berada di Persada Antarabangsa iaitu di tapak warisan dunia.

NNA: Okey tadi saya tanya, berapa— (bunyi gangguan) berapa tahun dah Encik Jibran apa usaha Encik Jibran dalam nak menaikkan nama boria ni dari tahun bila?

JK: Dah tiga tahun lah (menganggukkan kepala), tiga tahun lah macam saya kata tadi (menoleh ke tepi) daripada [sic, dari] tahun 2018 (bunyi gangguan), yang Januari satu Januari buat persembahan, lepastu 2019 kita *submit* [serahkan], jadi *second* [kedua] *submit* [serahkan] kita takleh buat tahun 2020 sebab kes *covid* [virus wabak penyakit covid-19]. Dan tahun ni saya ada berhubung balik dengan diorang tu nak *submit* [serahkan] balik lah. Jadi dia kata “Okey you [kamu] just [hanya] prepare [sedia] dulu nanti kalau saya kata okey jadi you [kamu] *submit* [serahkan] lah” -mengajuk, dia kata. Jadi (menoleh ke tepi) daripada [sic, dari] tahun 2018 sampai sekarang dah empat tahun lah kita sedang usaha kan lah.

NNA: Buat masa sekarang ada pelapis tak yang mungkin ada minat yang sama juga untuk naikkan seni boria ni?

JK: Insya Allah [dengan izin Allah SWT] ada lah (mengangguk) macam em dalam kumpulan ni kumpulan boria ni dia takkekai orang yang sama tau, sama ada pelakon ataupun apa penari tu (menyentuh hidung) jadi dia mesti ada pelapis (membuat gaya tangan) baru ni akhir ni dia bila dia dah kahwin ka dia takdak dah mai baru (menggerakkan tangan dan menyentuh hidung). Jadi memang ada pelapis (menggosok

hidung) kalau kata dalam kumpulan boria tu cuma saya yang orang yang paling usia yang lain (menoleh ke bawah) semua budak baru dah. Dah berapa peringkat dah-- ni dah bapa lapis dah (bunyi nada dering telefon bimbit) kata dah berapa *generation* [generasi] dah.

NNA: Buat masa sekarang macam mana Encik Jibran tarik anak muda untuk masuk dalam nak buat nak untuk *join* [sertai] boria ni sendiri? Ada buat program ka?

JK: Kadang-kadang apa ni budak-budak boria yang sedia ada ngan (menggerakkan jari) saya tu, depa tu seniqi yang cari, saya tak (menggeleng) *advertise* [mengiklankan] apa lah dulu-dulu saya pernah *advertise* [mengiklankan], kalau sapa nak menyertai (menyentuh muka) boleh mai kat tempat latihan kami macam-- ni--, daripada pukul berapa sampai pukul berapa saya tak tunggu persembahan lah (menggerakkan badan) buat latihan, buat latihan dulu, nanti kalau ada persembahan senang (membuat gaya tangan) dah kalau ada *show* [persembahan] tu kira orang panggil kita dah-- ada *basic* [asas] apa _ dah kan, jadi daripada budak boria (mengangguk) tu seniqi yang ni yang apa dok mai lah. Yang budak-budak baru ni semua daripada budak-budak kalangan budak menari tu sendiri depa yang akan cari kawan-kawan depa.

NSA: Budak-budak baru ni kan dorang datang melalui *online* [dalam talian] atau kelas *face to face* [bersemuka] dekat Encik Jibran?

JK: Dia ada yang kadang-kadang saya pi mengajaq kata (membuat gaya tangan) lah tu suruh saya pi mengajaq kat sekolah ka atau pun saya pi mengajaq kat mana-mana institut, pengajian ka kan kadang-kadang depa lepasan (bergerak dan membuat gaya tangan) tu depa cari saya depa cari depa minat (membuat gaya) lah nak *join* [sertai] depa mai macam tu pun ada dan daripada kalangan yang apa *sailor* [kelasi] saya penari-penari saya tu depa pun bawak kawan depa. Dulu-dulu saya *advertise* [iklankan] lah saya apa masuk lah dalam status (bunyi getaran telefon bimbit) kan masuk dalam facebook, kan jadi kadang-kadang lekat dekat Pejabat Kebudayaan [Pulau Pinang], jadi tu lah (mengerutkan dahi) tapi dah banyak lapis an ah kalau nak kira sampai lani kan dah banyak lapis dah lah, ada yang dah kahwin ada anak apa semua dah berjaya dah ada cucu pun ada yang pernah (tersenyum kecil) apa terlibat dengan saya an. saya bukan main baru main daripada muda (tersenyum kecil).

NNA: Encik Jibran pun ada dapat anugerah kan Anugerah Tokoh Kesenian Boria?

JK: Ya—(mengangguk).

NNA: Masa tu ada (serentak).

JK: Satu saya dapat (serentak)

NNA: Ya takpa-- terus.

JK: Dia dua lah satu saya dapat daripada Kementerian pada tahun 1999 (berfikir) ah (bunyi gangguan), 1998 atau 1999 lupa dah.

NNA: Lama dah.

JK: Iaitu Tokoh Muda Boria daripada Kementerian Kebudayaan Malaysia, yang tu tokoh muda lah (mengangkat kening) masa tu dok tengah-tengah muda tengah dok pukui naik lah orang kata (menggerakkan tangan).

NNA: (ketawa kecil)

JK: Tengah dok *top* [terkenal] lah apa pun sikit-sikit (tersenyum kecil) Kementerian panggil (membuat gaya) saya lah dulu buat *show* [persesembahan] __ KL [Kuala Lumpur, Malaysia] __ SUKMA [Sukan Malaysia] (mengangguk kecil) ka, apa-saja saja *event* [majlis] yang besaq di Kuala Lumpur [Malaysia] tu saya lah akan (menggerakkan tangan) kumpulan saya lah yang akan dipanggil dulu lah (menggosok hidung), _ kan yang banyak yang festival-festival (menggerakkan kepala) besaq di Kuala Lumpur [Malaysia] tu yang saya dah (mengangguk) pernah main lah boria (bunyi getaran telefon bimbit) kan festival kesenian melayu antarabanga [sic, antarabangsa] apa ni Antarabangsa (bunyi sesuatu), festival Kesenian Melayu Malaysia (mengangguk), Pesta Mengemping (bunyi gangguan) Malaysia (mengangguk).

NNA: Mm-hm.

JK: Tau kan menge- emping kan (membuat gaya tangan) emping tau dak emping orang Kedah mesti tau emping, makan emping dak?

NNA: Tak (ketawa kecil).

JK: Taktau emping (tersenyum kecil dan menoleh ke tepi).

NNA: Emping (ketawa kecil).

JK: Macam mana orang Kedah tak tau emping? (menoleh ke tepi).

NNA: (ketawa kecil dan bunyi suara seseorang).

JK: Orang sana kata apa emping ah nanti balik tanya kat mak.

NNA: (ketawa kecil) okey--.

JK: Jadi yang tu pun jad- jadi (mengangguk dan menggerakkan jari) kan satu pesta di peringkat Antarabangsa (mengangguk) dan juga Malaysia, jadi semua yang program-program ni (bunyi getaran telefon bimbit) penglibatan boria saya dah-- (menggeleng) pernah buat persembahan saya persembahan lah di sana (menggeleng dan bunyi gangguan).

NNA: Mm-hm.

JK: Peringkat *International* [Antarabangsa] pun kita dah pernah buat saya dah pi (menggerakkan jari telunjuk dan berfikir seketika) Indonesia di Padang Thailand, Singapore, Australia dulu, yang empat Negeri ni lah yang *International* [Antarabangsa] saya pernah-- pi lah Medan Fest (mengangguk).

NNA: Mm-hm, ka- kiranya kalau pergi yang sana tu pertandingan (bunyi getaran telefon bimbit) atau jemputan?

JK: Jemputan (mengangguk kecil).

NNA: Jemputan.

JK: Jemputan daripada [sic, dari] Negeri tu dia, dulu University of Prince Songkla [Universiti di Hat Yai, Thailand] ni, di Thailand (mengangguk kecil) dia nak buat kajian tentang (membuat gaya tangan) boria jadi dia bila dia nak buat kajian boria dia *interview* [temu ramah] dulu semua dah habis dah depa mai *interview* [temu ramah], dia balik (menggerakkan badan dan buat gaya tangan) dia pi apa ni dengan depa punya *big boss* [bos besar], *lecturer* [pensyarah] tu, *lecturer* [pensyarah] tu kata lani dia nak buat satu program Pertukaran Budaya dia mintak kumpulan boria kami pi sana (membuat gaya tangan) Universiti Prince of Songkla [Universiti di Hat Yai, Thailand] depa akan tunjuk (bunyi gangguan) persembahan depa lah (menggaru hidung).

NNA: Mm-hm.

JK: Jadi (berfikir) saya pi (membuat gaya tangan) buat persembahan di situ jadi selepas saja apa nama ni (berfikir seketika) buat persembahan tu (mengangguk) dia cerita

daripada sketsa tu (membuat gaya tangan) sampai lah setiap bait-bait boria tadi tu yang rangkap karangan boria tu dia terjemahkan (membuat gaya tangan) dialek diorang tu dalam bahasa (membuat gaya tangan) loghat depa lah, _ jam lah.

NNA: (ketawa kecil).

JK: Tapi yang apa nama ni *lecturer* [pensyarah] tu dia pandai (mengangguk kecil) berbahasa melayu lah (bunyi gangguan), (mengangguk) jadi yang tu lah (serentak)

NNA: senang nak-- (serentak).

JK: University Prince of Songkla yang tu [Universiti di Hat Yai, Thailand].

NNA: Okey yang (serentak).

JK: Macam Medan Fest (serentak dan bunyi gangguan).

NNA: Ya.

JK: Macam Medan Fest tu Medan Festival (mengangguk kecil) tu yang tu tiap-tiap tahun depa buat lah, jadi mungkin dua tiga tahun sekali depa panggil boria (mengerakkan kepala) dua tiga tahun sekali panggil boria *test* [ujian] kami pi buat juga di sana dan lagi satu Pesta Gendang Nusantara (mengangguk) jadi semua daripada apa ni (bergerak dan menyentuh hidung) Nusantara ni akan turun (membuat gaya turun) dan buat persembahan di (memandang ke bawah) Negeri Melaka [Malaysia], jadi mewakili (bergerak ke depan) Malaysia ni adalah kumpulan kami boria (mengangkat kening) yang buat (membuat gaya) persembahan di Melaka [Malaysia] (bunyi gangguan) di Dataran Merdeka Melaka [Malaysia] tu (mengangguk kecil), tapi kami buat persembahan tu secara *live* [secara langsung] yang tadi (bergerak ke depan) kata main gendang-gendang, marwas, violin apa tu kan (bunyi gangguan) sebab dia nak dia nak *seventeen percent* [tujuh belas peratus] (membuat gaya) mestilah gendang (menggaru).

NNA: Mm-hm.

JK: Banyak lah banyak saya terlibat lah dalam persembahan *International* [Antarabangsa] semua lah ha rezeki saya lah masa tu tengah dok *top* [terkenal] (menggaru dan bunyi gangguan).

NNA: Hm?

JK: Masa tu rezeki saya lah masa tu tengah (menggaru) memuncak lah kumpulan kami - (gangguan Internet) sekarang dah tau dah lah (memegang belakang kepala).

NNA: (ketawa kecil) Eh dak masih lagi Insya Allah [dengan izin Allah SWT] lepas covid [virus wabak penyakit covid-19] nanti.

JK: Insya Allah [dengan izin Allah SWT] (tersenyum kecil sambil menggaru belakang kepala).

NNA: Untuk apa Anugerah Tokoh tu ada tak (bunyi gangguan).

JK: Ya-- (menyentuh mulut).

NNA: Individu lain yang (bunyi getaran telefon bimbit) dapat juga sama macam--.

JK: (menyentuh mulut) Dia tokoh-- muda ni saya sorang lah dapat tahun tu (bunyi getaran nada dering telefon bimbit) lepas tu dia ada tokoh boria (mengangguk) lepas tu penghargaan sorang dapat (membuat gaya tangan).

NNA: Oh, sorang ja.

JK: Dok yang dulu tokoh muda saya sorang saja, selepas tu takdak (menggeleng) orang dah pasai pa takdak orang yang muda mungkin me-- menyanyi kan (mengangguk), yang boleh kata menonjol kan kebetulan masa saya tu (menggerakkan kepala) dulu dok pencapaian banyak menang tu menang tu kan (menggerakkan kepala). Jadi depa nampak masa tu saya muda gi depa bagi Tokoh Muda lah, selepas tu saya dapat Tokoh Pemenang pada tahun dua ribu (berfikir dan menoleh ke tepi melihat sesuatu sambil menggaru kepala) tujuh belas ah, 2017 dan 2018 saya dapat Tokoh Pemenang, Tokoh Budaya Pemenang (membuat gaya tangan), dianjurkan oleh Negeri Pulau Pinang [Malaysia] lah. Jadi tokoh-tokoh (membuat gaya tangan) boria yang lain (berfikir) dua orang (membuat gaya) dapat Syed Aqil [penerima anugerah tokoh boria] satu lagi satu Omar Hashim [penerima anugerah tokoh boria] depa dapat yang tu peringkat Kebangsaan juga lah saya muda Kebangsaan, tau dak yang depa ni dapat Tokoh Boria terus Kebangsaan dua orang (membuat gaya).

NNA: Okey faham--.

JK: Saya mungkin tak layak lagi lah.

NNA: Apa perasan Encik Jibran masa dapat Tokoh tu Anugerah Tokoh tu?

JK: Masa tokoh muda tu ah?

NNA: Mm-hm.

JK: Masa dia- dapat tokoh muda tu dapat-dapat tu saya rasa (mengangguk) saya nak lagi aktif ah saya lagi (mengangguk) saya nak apa *push* [desak] diri saya nak libatkan diri (membuat gaya) dalam apa ni boria tu lagi rasa nak belajaq ni nak belajaq tu (menggerakkan tangan). Walaupun masa tu saya punya orang kata apa (berfikir) tahap tu (menggeleng) tak la ni, sangat tinggi (gangguan Internet) pengetahuan saya dalam boria tapi masa tu sebab penglibatan (menggerakkan badan) *show* [persembahan] terlampaui banyak dan *show-show* [persembahan-persembahan] (menggerakkan tangan) apa nama ni Kebangsaan pun banyak depa terus anugerah kat saya lah.

NNA: Mm-hm.

JK: (Diam seketika) Itu yang membuatkan saya kekai (mengangguk kecil) sampai ke hari ini bergiat aktif lah, itu salah satu yang menjadi pendorong kepada saya lah tapi kalau tak dapat pun (mengangguk) saya masih lagi lah berada di sini.

NNA: Pendapat Encik Jibran.

JK: Ya

NNA: Anak muda zaman sekarang ni boleh tak macam depa ni mampu tak untuk teruskan lagi perjuangan Encik Jibran?

JK: Saya tak nampak (meletakkan tangan di tepi mulut) depa begitu apa nama ni (berfikir) serius dalam nak mengangkat boria, sebab apa yang saya nampak anak-anak muda la ni mai seronok-seronok (menggeleng kepala) macam tu depa balik macam tu je lah (membuat gaya tangan), latih boria seronok-seronok macam (menggeleng) tu balik, tak nampak lagi pun dalam kumpulan saya seniqi (mengangguk kecil) ni satu orang pun mai tanya saya saya nak tau apa tu boria (mengangguk kecil). Saya nak tau _ apa tu boria boleh lah tolong, dia takdak lagi (menggeleng kecil). Saya tak nampak lagi lah.

NNA: Mm-hm. Untuk Encik Jibran sendiri apa harapan Encik Jibran terhadap warisan boria ni macam mana nak (diam seketika) harap macam boria ni akan diteruskan lagi ka macam mana?

JK: Ya lah harapan saya ni boria ni diteruskan lah sebab bukannya (bunyi gangguan) benda boria ni pun bukannya (menggeleng dan berfikir seketika) satu permainan baru

(bunyi getaran telefon bimbit) daripada abad (berfikir) ke sembilan belas dah ada (mengangguk) dah boria ni (bunyi getaran telefon bimbit) dibawa masuk oleh dari Parsi [Iran] (mengangguk kecil) oleh askar-askar (membuat gaya tangan) India ke Pulau Pinang [Malaysia] bukan benda satu permainan yang baru kita takut supaya (bunyi getaran nada dering telefon bimbit) sekiranya kalau kata anak-anak muda hari ni kan kalau depa tak serius apa nama ni pertahankan (mengangguk) boria ni kita takut boria ni pupus lah sebab tu yang saya ni ya-- (bunyi getaran nada telefon bimbit) sangat nak angkat boria ni ke Persada Antarabangsa (mengangguk) bila kita angkat ke Persada Antarabangsa kan kita dah nampak oh boria (mendongak ke atas dan menunjukkan jari). Sekarang ni orang tak nampak (gangguan Internet) tau boria ni kata satu permainan yang unik.

NNA: Mm-hm.

JK: Bila dok kita ke peringkat yang tinggi (mengangguk kecil), baru (bunyi gangguan) orang nanti tau oh apa ni ada boria (mengangguk), oh rupanya boria dia macam ni (mengerutkan dahi) oh kelebihan dia macam ni (mengerakkan kepala), orang tak nampak satu permainan yang berseronok saja __ (gangguan Internet), dia pun tidoq (menggeleng) orang tak nampak sedangkan boria ni boleh dijadikan (bunyi gangguan) satu media untuk menyampaikan (membuat gaya) apa saja maklumat lah (bunyi getaran nada dering telefon bimbit) sama ada maklumat-maklumat yang apa nama ni kerajaan macam saya kata tadi lah (bunyi nada dering telefon bimbit) yang kita boleh buat covid [virus wabak penyakit covid-19] punya cerita dalam boria tu yang tu pun satu maklumat yang sepatutnya kita apa nama ni sampaikan kepada rakyat

NNA: Mm-hm.

JK: Kan jadi yang tu pun satu platform lah untuk kita nak ni *why not* [kenapa tidak] apa nama ni orang (mengangguk) lain juga (bunyi gangguan) kan ambik guna platform yang sama ni juga (bunyi gangguan) kan popularkan boria ni mengikut apa nama ni tema-tema yang (bunyi gangguan) __ kita tu lah (bunyi gangguan), apa saja yang apa ni boleh memberi faedah (memegang kolar baju) kepada (mengangguk) masyarakat.

NNA: Okey kalau kita tengok macam perkembangan seni boria ni macam mana perbezaan dia dari dulu sampai sekarang?

JK: (Bunyi gangguan) Zaman kegemilangan boria ni dulu (meletakkan tangan di muka) kalau kita tengok daripada tahun (berfikir) lima puluh-an [1950], enam puluh-an [1960], tujuh puluh-an [1970], lapan puluh-an [1980] (menggerakkan kepala ke kiri dan ke kanan sambil mengerutkan muka) sembilan puluh-an [1990], memang gemilang (mengangguk) betui-betui lah boria. Boleh saya kata (membuat gaya) lah sampai tahun 2000 tu betui-betui (menggeleng kecil) bernilai gemilang lah jadi bila kita tengok dua puluh tahun yang mai ni agak-agak menurun lah (menggerakkan badan dan tangan). Menurun sebab saya pun tak nampak (berfikir) sama ada Kementerian Kebudayaan tu seniqi memandang serius terhadap *one state one product* [satu negeri satu produk] maksudnya satu Negeri satu produk yang Pulau Pinang [Malaysia] diiktiraf oleh kerajaan Pusat melalui Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (menggerakkan kepala) adalah boria (mengangguk) di Pulau Pinang [Malaysia] dia tak kata (bergerak sedikit) permainan cinggih dia tak kata permainan naga, dia tak kata pun kesenian daripada cina, dia habaq boria.

NNA: Boria.

JK: Jadi (berfikir) tu lah zaman kegemilangan tu sudah berlalu (membuat gaya tangan) bila mai zaman 2020 ni an, zaman dua puluh an (gangguan Internet) ni kalau kami ni seniqi kalau kata tak menggerakkan (membuat gaya tangan) lagi apa ni boria ni, kan kalau kami pun sama-sama tidoq (bergerak ke depan) me- mengikut apa ni arus ni saya rasa boria ni (menggerakkan kepala) dah pupus lama lah (mengangkat kening). Jadi yang tu yang kita dok pertahankan ni bukan kita pertahankan pasai ada apa sangat (menggeleng) bukan ada orang main boria ni kaya-raya dak (menggeleng) dia abih duit ringgit (bunyi gangguan) ada lah, (bunyi gangguan) takdak orang (menggeleng) yang main boria kaya-raya (bunyi gangguan) jadi beza lah yang kita dok pertahan ni pasal tu lah kita takut yang tu pupus lah (bunyi gangguan).

NNA: Encik Jibran rasa apa kepentingan boria ni kepada masyarakat? Kenapa kita perlukekalkan boria ni? (bunyi gangguan).

JK: (Bunyi gangguan) Jadi dia-- bukan saja sekadar hiburan (mengangguk) macam saya kata tadi lah tu kan dia boleh menyedarkan (mengangguk dan membuat gaya) masyarakat di samping kita orang kata apa hib- hiburan (bunyi gangguan), di samping itu orang yang dengaq pasai boria ni orang dapat maklumat (mengangguk dan bunyi getaran telefon bimbit) macam contoh saya pernah buat di bawah program USM

[Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang], di bawah (mendongak ke atas) Pusat Pengajian Sains Farmasi, diorang lantik (mengangguk) kumpulan boria saya ni untuk membuat dua (mengangguk) persembahan yang berasingan satu berkaitan dengan antibiotik dan satu lagi (mengerutkan muka) berkaitan dengan diabetes (bunyi gangguan).

NNA: Mm-hm.

JK: Jadi diabetes ni menjadi satu apa nama ni persembahan (bunyi getaran telefon bimbit) yang biasa (menggeleng) yang agak orang apa nama ni orang faham orang tau dah pasai pesakit diabetes ni apa dia perlu buat apa yang perlu makan (bunyi gangguan) pemakanan macam mana dan ubatan yang macam mana (membuat gaya). Bila saya buat antibiotik ni (mengangguk), antibiotik ni mendapat respons yang cukup baik sebab depa kata “Kalau hang tak buat melalui apa ni boria yang berkaitan dengan antibiotik kami tak tau maklumat pasai antibiotik ni” -mengajuk, rupanya peranan dia cukup besaq kepada pesakit (menyentuh dan menggosok hidung), kan jadi kita nak macam tu lah kita nak respons daripada masyarakat macam tu. Oh tengok boria (mengangguk) boleh buat kami faham tentang apa itu antibiotik apa (mengangguk) itu kelebihan antibiotik dan apa itu keburukan (mengangguk) antibiotik (bunyi gangguan) dan masyarakat (menggeleng) secara umumnya memang taktau (menggeleng).

NNA: Mm-hm.

